



PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3393]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 3424]

Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua
[Ruangan 3425]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Khamis, 29hb November, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Penerangan, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Timbalan Menteri, Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungai Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

Yang Berhormat TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibul).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).

Yang Berhormat TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).

- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
 „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
 „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.
 (Trengganu Tengah).
 „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
 „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
 „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
 „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
 „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
 „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
 „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
 „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
 „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
 „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
 „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barai).
 „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
 „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
 „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
 „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
 „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datok).
 „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
 „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
 „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
 „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
 „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
 „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
 „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
 „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
 „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
 „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
 „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
 „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
 „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, Y. M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIH HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).

- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Salleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Shariff bin Md. Saad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

UNDANG-UNDANG TIMBANG SUKAT

1. Tuan Fan Yew Teng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) samada beliau sedar bahawa Undang-undang Timbang dan Sukat tidak lengkap untuk dikuatkuasakan dengan berkesan;
- (ii) samada beliau sedar bahawa tidak ada pegawai-pegawai penguatkuasa yang berkelayakan dan sesuai dalam lapangan ini;
- (iii) samada beliau sedar bahawa oleh sebab-sebab yang diberi dalam (i) dan (ii) di atas ramai pedagang-pedagang dan peniaga-peniaga melibatkan diri dalam amalan yang tidak adil dan tidak patut (unethical) tanpa ditangkap dan dihukum; dan
- (iv) samada beliau akan mengambil langkah untuk memperbaiki keadaan ini dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang beliau akan ambil.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini memang benar terdapat beberapa perundangan Timbang dan Sukat dan peruntukan-peruntukan pada perundangan-perundangan tersebut berbeza di antara satu negeri dengan satu negeri. Satu perundangan bagi seluruh Malaysia untuk menyatukan beberapa perundangan yang ada telah diluluskan oleh Dewan ini awal tahun lepas. Akta itu bernama "Akta Timbang dan Sukat 1972" yang telahpun menerima persetujuan di Raja pada 21hb Mac, 1972 dan dicetak di *Warta Kerajaan* pada 31hb Mac, 1972.

Akta ini memperuntukan bagi satu undang-undang yang sama pada perkara Timbang dan Sukat bagi seluruh negara dan apabila ianya dikuatkuasakan ia akan menggantikan ke semua ordinan dan enakmen yang terdapat pada masa ini di negeri-negeri. Pada masa yang sama Akta Timbang

dan Sukat yang baru ini akan mengemukakan Sistem Timbang dan Sukat yang baru yang berasaskan Sistem Metrik.

Pada masa-masa lepas penguatkuasaan Undang-undang Timbang dan Sukat hanya dijalankan oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa Negeri dan Majlis Bandaran yang diwartakan mengikut undang-undang masing-masing. Dengan penubuhan Bahagian Penguatkuasa di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, perkhidmatan Merinyu-merinyu dan Ketua-ketua Merinyu sekarang digunakan untuk menolong penguatkuasaan undang-undang ini. Setakat ini 31 Pegawai Penguatkuasa tersebut telah diwartakan menurut undang-undang ini dan 10 lagi akan diwartakan dalam sedikit masa lagi.

Sungguhpun terdapat amalan perniagaan kecoh oleh peniaga-peniaga berkenaan Undang-undang Timbang dan Sukat, tindakan telahpun diambil terhadap sebahagian dari mereka terutama yang dibawa ke pengetahuan Kementerian ini. Pengawasan dan Penguatkuasaan ini akan diperlibatkan lagi apabila pegawai-pegawai diwartakan dalam sedikit masa lagi.

Oleh sebab Akta ini akan mengemukakan keseluruhannya sistem Timbang dan Sukat yang baru dalam Metrik daripada apa yang terdapat pada masa ini, penguatkuasaan Akta ini akan berjalan sepenuhnya pada masa yang sesuai supaya mengurangkan kos dan kerumitan kepada kedua-dua bidang awam dan swasta. Perubahan sepenuhnya ke Sistem Metrik akan memakan masa 10 tahun daripada penghujung tahun 1971. Pada masa ini satu Jawatankuasa Penasihat Metrik telah ditubuhkan untuk mengkaji dan menasihati akan cara-cara untuk menjalankan Sistem Timbang dan Sukat yang baru ini.

Sebaik-baik sahaja Akta ini dikuatkuasakan, pentadbiran peruntukan-peruntukan di bawah Akta ini akan disatukan dan penyudahannya akan terdapat penguatkuasaan timbang dan sukat yang sama bagi seluruh negara yang akan mengatasi apa-apa amalan kurang baik dan kekurangan-kekurangan yang terdapat di beberapa negeri pada masa ini.

KENAIKAN HARGA—KAWALAN

2. Tuan Fan Yew Teng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah tindakan-tindakan Kementerian beliau telah ambil untuk mengawal kenaikan harga di peringkat pengeluaran dan impot yang menyebabkan inflasi harga dan bukan menyalahkan pekedai-pekedai runcit.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak menyalahkan pekedai-pekedai runcit sahaja yang menyebabkan inflasi yang sedang terjadi di dalam negara kita ini. Semua peniaga yang menjalankan perniagaan yang tidak sihat adalah juga bertanggungjawab terhadap keadaan yang sedang berlaku ini.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum soalan yang sama telahpun dikemukakan oleh Yang Berhormat Dr Tan Chee Khoo dan telahpun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 26-11-1973.

CUKAI JUALAN

3. Dr S. Seevaratnam (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan semenjak Bank Negara menunjukkan bahawa Cukai Jualan adalah faktor penting membawa kepada ketagangan harga-harga, adakah beliau mempunyai rancangan untuk memansuhkan cukai jualan ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat merujuk kepada penerbitan Quarterly Economic Bulletin Jilid 6, No. 1 Mac 1973 yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Jika benar, maka saya mempelawa Ahli Yang Berhormat itu supaya membaca Bulletin ini sekali lagi dengan lebih teliti. Beliau akan mendapati bahawa Bulletin tersebut tidak mengatakan yang cukai jualan ialah faktor utama yang mendorong kenaikan harga yang berlanjutan (*spiralling of prices*). Bulletin tersebut hanya menyatakan bahawa kenaikan harga (*rise in prices*) dalam negeri—dan sila perhatikan bukan kenaikan harga yang berlanjutan—adalah hanya pada had-had yang tertentu disebabkan oleh kenaikan beban percukaian tidak langsung dimana penenaan cukai jualan dan beberapa tarif perlindungan yang

lebih tinggi merupakan perkara-perkara yang lebih utama. Bulletin tersebut seterusnya mengatakan bahawa faktor yang lebih penting ialah inflasi di negeri-negeri pembekal. Kesannya pula bertambah buruk akibat daripada kenaikan matawang dan kenaikan kadar-kadar perkapalan.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Menteri tadi tidak mengatakan bahawa cukai itu hendak dibatalkan atau tidak. Bolehkah beliau memberitahu samada Kerajaan bercadang membatalkan cukai tersebut atau tidak?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau faham jawapan saya tadi, maka sudah terkandunglah jawapannya dan perkara itu telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 26hb November, 1973.

ORDINAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

4. Tuan V. David minta Menteri Kewangan menyatakan :

- (a) samada beliau akan meminta Ordinan K.W.S.P. agar membolehkan sumbangan 10% dibuat kepada Kumpulan Wang tersebut; dan
- (b) samada beliau akan memudahkan penyumbang-penyumbang mendapatkan pinjaman dari K.W.S.P. membeli rumah.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua :

- (a) Tidak.
- (b) Sebuah Jawatankuasa diwakili oleh Perbendaharaan, K.W.S.P., Bank Negara dan Bahagian Perumahan, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan telah dibentuk untuk mengkaji perkara ini. Jawatankuasa tersebut berpendapat bahawa K.W.S.P. tidak boleh memberi pinjaman kepada panyumbang-penyumbang membeli rumah kerana ianya pada keseluruhannya tidak akan memberi faedah samada kepada K.W.S.P. mahupun kepada penyumbang-penyumbang. Pinjaman serupa ini adalah juga bertentangan dengan tujuan utama K.W.S.P. untuk memberi keselamatan kepada pekerja-pekerja di masa tua.

K.W.S.P. sebagai pemegang amanah kepada wang penyumbang-penyumbang hendaklah mengikuti dasar pelaburan yang bukan sahaja boleh memberi pulangan yang tinggi di atas pelaburan-pelaburan yang dibuat tetapi juga keselamatan dari pelaburan-pelaburan itu sendiri. Sebagai pengamanah yang berhati-hati maka pinjaman seperti yang dicadangkan itu mestilah dikenakan kadar faedah (interest) yang tinggi supaya dapat meliputi risiko-risiko dan kos-kos yang terlibat dan juga untuk memperolehi pulangan yang berpatutan kepada wang yang dipinjamkan. Ini akan menyebabkan penyumbang yang meminjam menyoal K.W.S.P. sebagai membuat keuntungan ke atas wang mereka sendiri dan penyumbang-penyumbang yang lain. Sebaliknya pula, jika K.W.S.P. mengenakan kadar faedah "nominal" ke atas wang yang dipinjamkan, ianya tidaklah bertindak sebagai pengamanah yang berhati-hati, oleh sebab ianya akan melepaskan faedah ke atas wang yang disimpan, yang seharusnya memperolehi pulangan yang mencukupi.

Seterusnya, bila wang itu dipinjamkan dan penyumbang tidak dapat membayar, K.W.S.P. ada dua pilihan:

- (i) ia boleh menghapuskan (write-off) pinjaman itu, yang bermakna kerugian pada keseluruhannya;
- (ii) ia boleh mengambil tindakan untuk memiliki kembali rumah itu yang akan menyebabkan ianya tidak disukai oleh penyumbang-penyumbang.

Berdasarkan kepada pertimbangan ini, Jawatankuasa itu berpendapat bahawa suatu sekim K.W.S.P. memberi pinjaman kepada penyumbang-penyumbang tidak akan memberikan faedah kepada K.W.S.P. atau penyumbang-penyumbang dan tidak akan dapat mencapai tujuan utama K.W.S.P. untuk memberi keselamatan kepada pekerja-pekerja di masa tua. Saya telah menerima cadangan Jawatankuasa itu dan memutuskan bahawa rancangan ini tidak akan diadakan.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan (a). Yang Berhormat Menteri itu menyatakan dia menolak soal itu. Saya minta bolehkah Yang Berhormat Menteri siasat atas perkara ini sekali lagi oleh kerana

Undang-undang E.P.F. Kerajaan diadakan pada tahun 1952, waktu itu undang-undang tersebut menetapkan caruman 5% dari pekerja dan 5% caruman dari Kerajaan. Sekarang sudah beberapa tahun berlalu, bolehkah disiasat pada masa yang akan datang oleh kerana berbagai perubahan sudah terjadi dalam negara kita seperti progress dan development, saya minta tolonglah siasat atas perkara itu.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini bukan sahaja telah disiasat, tetapi juga telah ditimbangkan dan dirasakan yang perkara ini belum lagi sesuai untuk diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan saya berkenaan dengan meminda Ordinan K.W.S.P. adalah masalah berkenaan dengan orang Malaysia yang sudah mengambil balik wang E.P.F. mereka dan dia sudah pergi keluar negeri dari Malaysia dan dia balik semula ke Malaysia, adakah Ordinan E.P.F. itu sudah dipinda atau belum untuk menyelesaikan masalah ini?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Saya juga fikir itu soalan lain. (*Ketawa*)

Tuan Ng Hoe Hun: Saya baru dengar sahaja.

TARAF HIDUP PENDUDUK LUAR BANDAR

5. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Manteri Pembangunan Ekonomi Desa menerangkan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan penduduk-penduduk luar bandar khususnya orang-orang Melayu supaya dapat menyesuaikan diri dengan dasar ekonomi baru Kerajaan oleh kerana ekonomi mereka sangat lemah sekarang.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu Kerajaan telah mengadakan berbagai-bagai badan untuk memberi pinjaman dan kemudahan-kemudahan di dalam bidang sosial dan ekonomi.

Misalnya, di Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa ini seperti MARA, Lembaga Pertubuhan Peladang dan badan-badan karjasama yang semuanya bertujuan untuk memberi nasihat dan kemudahan bagi meninggikan taraf hidup rakyat di kawasan-kawasan luar bandar. Di samping itu pula beberapa badan juga telah diadakan di beberapa Kementerian-kementerian yang lain yang mempunyai tujuan yang serupa dan juga gerakan pembaharuan telah diadakan di beberapa buah negeri dengan tujuan untuk memberi kesedaran supaya rakyat bersama-sama melibatkan diri di dalam mengambil peluang dan meninggikan taraf hidup mereka. Dengan cara itu adalah diharapkan rakyat akan dapat mengubah sikap untuk menyesuaikan diri di dalam Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Dengan ini terpujulah kepada rakyat untuk mengambil peluang yang telah disediakan oleh Kerajaan bagi meninggikan taraf hidup mereka dan menyesuaikan diri dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Tuan Valentine Cotter: Tuan Yang di-Pertua, orang-orang Bumiputra di Sarawak seperti orang Iban, Malanau, Bidayuk dan lain-lain adalah orang miskin khususnya orang kampung. Adakah apa-apa langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya mereka itu dapat menyesuaikan diri dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan oleh kerana ekonomi mereka lemah.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya jawab ini adalah termasuk semua sekali negeri Sarawak dan Sabah.

AKTA KANUN TANAH NEGARA

6. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau akan meminda Akta Kanun Tanah Negara supaya tanah-tanah di Malaysia dapat dibeli oleh warganegara-warganegara Malaysia sahaja.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah (Tuan Mohamed bin Ujang): Tuan Yang di-Pertua, soal hendak meminda Kanun Tanah Negara dengan tujuan untuk menentukan supaya tanah-tanah di Malaysia hanya dapat dibeli oleh warganegara Malaysia sahaja adalah merupakan satu dasar yang perlu dikaji dan

diselidiki dengan sadalam-dalamnya dari semua sudut sebelum Kerajaan mengambil sebarang keputusan. Oleh itu, saya tidaklah dapat memberi sebarang kenyataan pada masa ini. Walau bagaimanapun, saya dapat menyatakan bahawa perkara ini sedang mendapat perhatian Kerajaan.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Saya boleh bawa bukit di Dewan Rakyat ini menunjukkan tanah di Malaysia ini ada dijual ke syarikat-syarikat orang-orang warganegara Amerika. Apakah tindakan Kerajaan hendak ambil, kalau saya bawa bukti ini?

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak mahu mendengar bukti-bukti. Apa soalan tambahan, kalau ada, kalau tidak sila duduk. Berkenaan dengan soalan itu sudah dijawab.

Tuan Ng Hoe Hun: Berkenaan dengan soalan No. 6.

Tuan Yang di-Pertua: Saya lebih tahu lagi soalan nombor berapa.

Tuan Ng Hoe Hun: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengerti.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi apa soalan tambahannya? Jawapan telah diberi tadi.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan berkenaan dengan tanah yang dijual kepada orang Amerika. Saya boleh bawa bukti di Dewan Rakyat ini menunjukkan tanah di Malaysia ada dibeli oleh orang Amerika. Soalan saya sekarang ialah apakah tindakan Kerajaan Malaysia akan ambil untuk menyelesaikan masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan telah diberi iaitu perkara ini akan disiasat lebih lanjut lagi. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hendak menjawab?

Tuan Mohamed bin Ujang: Soal yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu soal tanah yang akan dibeli dan bukan tanah yang sudah dibeli.

Tuan Ng Hoe Hun: Bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata soalan ini berkenaan dengan tanah yang akan dibeli. Ahli Yang Berhormat mengatakan tanah yang sudah dijual (*Ketawa*).

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, akan beli dan sudah dibeli adalah serupa (*Ketawa*). Itu sebab saya minta Menteri yang berkenaan memberi penjelasan, dia tidak mengerti apa yang saya cakap tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong tanya sekali lagi!

Tuan Ng Hoe Hun: Bolehkah saya bertanya dalam bahasa Inggeris—dia tidak mengerti bahasa Malaysia saya (*Ketawa*). Saya kurang faham dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat Ahli Yang Berhormat cukup faham bahasa Malaysia.

Tuan Ng Hoe Hun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Sekarang bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi jawapan?

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu saya sudah jawab tadi.

Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan bahawa Kerajaan Pusat sekarang sedang menimbangkan masalah ini. Saya hendak bertanya adakah Kerajaan Pusat bersedia untuk membawa perkara ini kepada Majlis Tanah Negara ataupun adakah Kerajaan Pusat berpendapat terserahlah kepada Kerajaan Negeri untuk mengambil inisiatif dalam perkara ini?

Tuan Mohamed bin Ujang: Saya sudah katakan tadi bahawa perkara ini sedang dikaji dan jawapan tidak dapat diberi pada masa ini.

Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Adakah Kerajaan Pusat berpendapat bahawa tidak ada halangan bagi mana-mana Kerajaan Negeri dalam Malaysia pada masa ini membuat Undang-undang seperti yang tersebut tadi iaitu menyekatkan hak pemilikan tanah orang-orang asing?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain (*Ketawa*).

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah Kerajaan memikirkan lebih berfaedah tanah ini kita berikan kepada mereka yang bukan

warganegara dengan cara berladang kerana boleh menolong pembangunan dan mendatangkan hasil kepada negara kita?

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bila Kerajaan mengkaji perkara ini akan ditimbang juga.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan. Berkenaan dengan pindaan Akta Kanun Tanah Negara, bolehkah Kementerian memberi timbangan berkenaan dengan satu masalah yang sekarang sudah dan melambatkan development iaitu kesusahan terhadap conversion tanah daripada tanah agriculture kepada tanah perbandaran, perindustrian dan perumahan. Bolehkah Kerajaan Pusat menimbangkan bagaimana kita boleh mencepatkan proses ini untuk development di Malaysia?

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soal yang ada di hadapan kita ini ialah soal hendak mengkaji semula Kanun Tanah Negara supaya tidak membolehkan warganegara bukan Malaysia ini membelinya. Jadi itu soalan lain.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tanah yang akan dibeli oleh orang asing, saya hendak bertanya bahawa tanah-tanah yang telah dibeli di Johor oleh orang luar daripada Malaysia. Oleh sebab itu, banyak tanah di Johor, di Melaka dan di Pulau Pinang, Kerajaan-kerajaan Negeri itu telah bekukan (frozen). Berkenaan dengan itu bolehkah Kementerian memberitahu freezing process ini berapa lama hendak dilakukan? Saya fikir jikalau kita freeze tanah ini lama sangat tentulah orang bimbang kalau hendak masuk campur dalam development di Malaysia, khasnya orang-orang asing yang hendak menanam modal dalam negeri kita oleh sebab mereka bukan warganegara Malaysia.

Tuan Mohamed bin Ujang: Ini soalan lain. Kalau dia hendak jawab, beri notis.

Awang Bungsu bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kema-juan Tanah memberi jaminan jika sekiranya rakyat hendak minta tanah untuk membuka rancangan kecil di masa akan datang. Di

masa yang lepas kebanyakan rakyat di Sarawak apabila meminta tanah tidak dibenarkan oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi ada kemungkinan Kerajaan mengkaji soalan ini. Apabila tiba masanya soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu akan ditimbang juga.

Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'akub: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan Pusat akan menimbang pembahagian tanah yang di dalam kuasa Kerajaan Negeri. Permohonan-permohonan tanah untuk sawah dan rancangan-rancangan adalah kuasanya di bawah Kerajaan Negeri bukan dikuasai oleh Kerajaan Pusat. Soalan ini harus ditumpukan kepada Kerajaan Negeri bukan kepada Kerajaan Pusat.

Tuan Mohamed bin Ujang: Ini terpulang kepada Kerajaan Negeri. (*Ketawa*)

Awang Bungsu bin Abdullah: Soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak menyatakan perkara ini terpulang kepada Kerajaan Negeri. Saya mengucapkan terima kasih. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Belum lagi terpulang kepada Kerajaan Negeri, baru di dalam pertimbangan.

Awang Bungsu bin Abdullah: Ya. Kebanyakan rakyat kadang-kadang meminta tanah untuk rancangan kecil seperti sawah padi tidak dibenarkan oleh Kerajaan. Dari itu, saya harap Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak akan menjalankan perkara ini untuk rakyat yang meminta tanah.

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah menyeleweng, tidak tentu arah. Siapa yang menjawab, siapa yang bertanya.

PENGEMIS DI IBU KOTA

7. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada beliau sedar akan ramainya pengemis-pengemis yang berkeliaran di Ibu Kota dan jika sedar, samada Kementerian beliau bercadang mengadakan suatu undang-undang yang

lebih ketat untuk mengawal perbuatan mengemis dan memelihara imej baik negara kita.

Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, adanya pengemis-pengemis di Ibu Kota itu tidaklah dinafikan. Dengan kerjasama pihak Polis, Kementerian saya sedaya upayanya bertindak bagi menghapuskan masalah ini.

Sebenarnya undang-undang bernama "Akta Kutu-rayau 1965" telahpun ada bagi mencegah, mengawal dan memulihkan kutu-rayau. Sungguhpun begitu saya suka menyatakan bahawa tindakan undang-undang sahaja tidak mamadai untuk menghapuskan masalah ini.

Orang ramai perlu memberi kerjasama dan memahami bahawa sungguhpun sebilangan kecil sahaja benar-benar terdesak untuk mengemis, pada umumnya kebanyakan daripada mereka itu adalah pengemis professional. Mereka mempunyai tempat tinggal dan tidak perlu mengemis untuk mencari nafkah tetapi mereka pandai menarik simpati orang ramai yang mudah terpedaya dan menghulurkan sedekah.

Jika sekiranya orang ramai memberi kerjasama tidak memberi sedekah, masalah pengemis ini akan dapat terkawal.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am sedar bahawa tindakan kurang diambil terhadap pengemis-pengemis yang berada di sekitar Kuala Lumpur ini. Yang keduanya tidak ada dibuat satu cara untuk menempatkan pengemis-pengemis ini di tempat yang memuaskan kedudukan mereka yang disediakan oleh pihak Kementerian sendiri.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah terangkan berkali-kali dalam Dewan ini kuasa menangkap itu ialah dijalankan oleh pihak polis dan pihak Kementerian telah menyediakan tempat memulih pengemis ini, sebuah tempat khas di Mersing. Saya jemput Ahli Yang Berhormat itu datang ke Mersing menengok sendiri bagaimana rancangan-rancangan dibuat untuk memulihkan pengemis ini iaitu rancangan-rancangan yang difikirkan boleh mereka itu mendapat

mata pencarian. Saya rasa tidaklah benar kalau dikatakan tidak ada rancangan tertentu untuk memulih atau menempatkan pengemis-pengemis ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Saya sekarang hendak membawa satu kes yang betul, ialah seorang pengemis professional. Beatnya ialah antara feri di Pulau Pinang dan Keretapi Tanah Melayu. Selalu dia duduk di tengah jalan meminta tolong. Kes ini saya bawa ke pengetahuan Menteri, bolehkah Menteri ambil tindakan?

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Seperti yang saya beritahu kepada Yang Berhormat, kalau begitu halnya lebih baik Yang Berhormat beritahu kepada polis daripada beritahu saya.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan Dewan Rakyat adalah yang tinggi sekali. Jikalau saya tidak boleh bawa masalah pengemis yang professional, apa sebabnya ada Parlimen?

Tuan Yang di-Pertua: Bukan tidak boleh bawa dan sudah dibawa, tetapi diberi nasihat baiklah beritahu kepada polis.

Tuan Ng Hoe Hun: Kalau macam itu, terima kasih (*Ketawa*).

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dengan berlakunya kejadian ini, dapatkah diakui bahawa Kementerian ini telah menunjukkan satu kelemahan pada mengambil tindakan ini kerana Kementerian ini mempunyai satu sifat berlemah-lembut, bertimbang rasa kepada orang yang dhaif.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan iaitu pihak Kementerian ini meminta kerjasama daripada orang ramai. Bukan masalah Kementerian ini berlemah-lembut, tetapi kalau sekiranya pihak orang ramai tetap memberi sedekah kepada mereka ini, maka walaupun ada undang-undang pengemis ini, saya rasa susah hendak dikawal dan diatasi dan mereka ini sebahagian besarnya juga tahu bagaimana menggunakan simpati dan tahu pula caranya mengelakkan tangkapan polis.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan ada pengemis professional dan

ada pengemis tidak professional dan hendaklah orang ramai bekerjasama. Saya telah bekerjasama memberi duit sedekah kepada orang miskin ini. Pertanyaan saya ialah untuk menangkap diserahkan kepada polis, tetapi tidakkah ada kerjasama di antara polis dengan Kementerian Kebajikan Am—bukan untuk menangkap, sebab orang ini tidak salah, tetapi dia susah. Adakah kerjasama di antara dua pihak untuk membawa mereka ini ke tempat yang diaturkan untuk mereka itu?

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Memang ada, Tuan Yang di-Pertua.

Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, benarkah pihak Kementerian telah membuat satu kempen kerjasama untuk menyedarkan kepada orang ramai bahawa pengemis-pengemis ini ialah memangnya pengemis professional?

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Kempen secara meluas belum lagi dibuat, tetapi sukalah saya menerangkan sebahagian besarnya daripada pengemis-pengemis ini adalah mereka yang pernah menjadi penghuni rumah sakit otak. Susah hendak dibezakan kategori pengemis ini kerana masalah ini ialah masalah masyarakat. Tetapi sekiranya pula dikehendaki supaya satu kempen diadakan, rasa saya, tentulah akan ada pula orang-orang yang berpendapat apa salahnya kita bersedekah, sedangkan ada juga di antara orang-orang yang mencari pengemis-pengemis ini tempat mereka hendak memberi sedekah.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan. Saya percaya untuk mengawal pengemis-pengemis di Ibu Kota atau di lain-lain bandar di seluruh Malaysia iaitu dengan membuat satu undang-undang. Ini satu langkah yang tidak sesuai. Yang lebih sesuai dan lebih elok mestilah kita tanya kepada diri sendiri terutama Kerajaan, apakah langkah Kerajaan telah dan akan ambil untuk mencari lebih pekerjaan bagi mereka? Saya percaya inilah yang mustahak. Inilah satu social problem. Bukanlah mereka hendak berjalan ke sana dan ke mari dan buat kotor atau merosakkan imej Malaysia, jikalau orang luar negeri datang ke Ibu Kota. Ini mustahak. Jika tidak mahu menyelesaikan masalah ini, apakah langkah Kerajaan hendak mengambil bagi mencari kerja untuk menghapuskan masalah ini?

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Itu rasa saya sudah lain daripada soalan yang asal.

Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman: Soalan tambahan. Berapa banyakkah atau ramainya barangkali pengemis-pengemis yang ada di Ibu Kota Kuala Lumpur sekarang ini?

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, itu kalau hendakkan ramai bilangan yang tepat, saya minta diberi notis.

KEWARGANEGARAAN

8. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau akan meliberalkan peruntukan-peruntukan kewarganegaraan bagi tempoh selama tiga bulan untuk membolehkan orang-orang yang tidak mempunyai kawarganegaraan (stateless persons) yang dilahirkan di Malaysia sebelum Hari Kemerdekaan dalam tahun 1957 untuk mendapatkan kewarganegaraan Malaysia asalkan mereka mengisytiharkan kesetiaan mereka yang tidak berbelahbagi kepada negara ini, bukan sahaja dari segi perikemanusiaan tetapi juga untuk menghapuskan satu punca ketidakpuasaan socio-ekonomi di negara ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, pada himat saya soalan ini melanggar peruntukan Akta Hasutan, 1948. Oleh demikian, saya mohon izin tidak menjawabnya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap Yang Berhormat Menteri

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu tidak dijawab.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Tak ada tambahan!

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan daripada soalan

Tuan Yang di-Pertua: Tak ada tambahan, sebab soalan itu melanggar Peraturan 3 (1). Duduk!

KEMALANGAN JALANRAYA— DEEPAVALI/HARI RAYA

9. Puan Bibi Aishah binti Hamid Don minta Menteri Perhubungan menyatakan bilangan kemalangan-kemalangan jalanraya yang telah berlaku semasa perayaan-perayaan Deepavali dan Hari Raya Aidil Fitri baru-baru ini; dan apakah jenis-jenis kereta yang selalu terlibat dalam kemalangan semasa perayaan-perayaan ini.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Wong Seng Chow): Tuan Yang di-Pertua, bilangan kemalangan-kemalangan jalanraya yang telah berlaku semasa perayaan-perayaan Deepavali dan Hari Raya Aidil Fitri baru-baru ini dan jenis-jenis kenderaan yang terlibat adalah seperti berikut:

Perayaan Deepavali pada 25hb Oktober, 1973

| | | | |
|---------------|-----|-----|-----|
| Kemalangan | ... | ... | 189 |
| Mati | ... | ... | 3 |
| Cedera Parah | ... | ... | 16 |
| Cedera Ringan | ... | ... | 75 |

Kenderaan-kenderaan terlibat

| | | | | |
|--------------------------|-----|-----|-----|-----|
| Motokar | ... | ... | ... | 135 |
| Motosikal dan motoskuter | ... | ... | ... | 59 |
| Lori | ... | ... | ... | 18 |
| Bas | ... | ... | ... | 10 |
| Van | ... | ... | ... | 6 |
| Teksi | ... | ... | ... | 14 |
| Basikal | ... | ... | ... | 14 |
| Beca | ... | ... | ... | 1 |
| Lain-lain | ... | ... | ... | 12 |

JUMLAH KENDERAAN TERLIBAT 269

Perayaan Hari Raya Aidil Fitri pada 27hb dan 28hb Oktober, 1973

| | Pada 27hb Okt. | Pada 28hb Okt. | Jumlah |
|---------------|-------------------|-------------------|--------|
| Kemalangan | 126 | 140 | 266 |
| Mati | 8 | 8 | 16 |
| Cedera Parah | 10 | 6 | 16 |
| Cedera Ringan | 52 | 58 | 110 |

Kenderaan-kenderaan terlibat

| | | | | |
|-----------------------------|-----|-----|-----|-----|
| Motokar | ... | 101 | 101 | 202 |
| Motosikal dan motoskuter | 44 | 50 | 94 | 94 |
| Lori | 9 | 8 | 17 | 17 |
| Teksi | 10 | 9 | 19 | 19 |
| Bas | 9 | 5 | 14 | 14 |
| Van | 2 | 3 | 5 | 5 |
| Basikal | 15 | 13 | 28 | 28 |
| Beca | — | — | — | — |
| Lain-lain | 7 | 6 | 13 | 13 |

JUMLAH KENDERAAN TERLIBAT 197 195 392

Mengikuti angka-angka yang saya sebutkan itu, jenis-jenis kereta-kereta yang banyak terlibat ialah motokar dan motosikal dan motoskuter. Ini ialah kerana bilangan kenderaan-kenderaan jenis itu adalah lebih banyak dari kenderaan-kenderaan lain.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan Tambahan. Dengan kemalangan bagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, dapatkah dikatakan satu kesalahan kepada Kementerian Perhubungan ini iaitu kurang mengawasi dan kurang memberi nasihat, kurang memberi pertolongan kepada kenderaan-kenderaan dan kepada orang ramai.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, barangkali Yang Berhormat faham, tiap-tiap tahun Majlis Keselamatan Lalulintas Jalan Raya yang mana saya menjadi Pengerusinya, mengadakan tahun ini 4 bulan kempen dan tiap-tiap kali mengadakan kempen dapat sokongan daripada orang ramai, tetapi malangnya ada kalanya orang yang berjalan itu lalai. Kereta datang dari depan pun dia tak sedar. Kemalangan memang tidak dicari, tetapi inilah yang saya katakan lalai. Kebanyakan 90% dari kelalaian manusia samada berjalan atau bawa kereta atau naik basikal. Ini semua kelalaian manusia. Saya mintalah mereka yang memandu kenderaan samada naik basikal ataupun berjalan kaki bercermatlah sedikit waktu hendak menyeberang atau berjalan di tepi jalan, tengoklah ke kanan dan ke kiri, bercermat, jangan sampai kita kena kemalangan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa antara sebab-sebab kemalangan jalanraya ialah keadaan jalan yang kurang memuaskan; jalan kecil, kereta besar, kenderaan banyak, jadi apakah penyalarsan dibuat antara pihak Kementerian Perhubungan dengan pihak Kementerian Kerja Raya dan Tenaga untuk menyesuaikan dengan keadaan masa ini bagi mengelakkan daripada kemalangan yang pernah berlaku itu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Bagi pihak Kementerian Perhubungan dan Kerja Raya dan Tenaga memang selalu ada coordinasinya. Kita telah mendesak Kerajaan

bagi peruntukan yang lebih besar memperbaiki jalan-jalan yang banyak selekoh, yang buruk, bagaimana jalan daripada Kuala Lumpur hendak pergi ke Seremban—ini makan berpuluh juta ringgit, kita hendak betulkan. Begitu juga jalan-jalan yang terus dalam bandar-bandar, kita akan tambah lagi jalan-jalan. Ini memang dirancangan bukan sahaja dengan Jabatan Kerja Raya tetapi juga dengan City Hall dan lain-lain Town Council yang mana mereka juga ada berkuasa. Ini memakan waktu. Sementara itu kita mintalah orang ramai bekerjasama menjaga keselamatan masing-masing.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri telah membatalkan keputusan bahawa memaksa motorcyclist memakai crash helmet untuk keselamatan mereka?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Dalam motor Rally—itu Private Property; saya pun baru hendak rundingkan, hendak dipinda peraturan-peraturan di dalam “Private Premises” pihak Kerajaan tidak ada berkuasa, tetapi ada undang-undangnya. Tiap-tiap pelumba motosikal pun barangkali juga dia ada crash helmet dipakai, tetapi apa caranya dan apa qualitynya itu terpulanglah kepada pengelolanya. Tiap-tiap motor rally ada rules and regulations di seluruh dunia.

Tuan Lim Kit Siang: Banyak publicity telah dibuat bahawa motorcyclist mesti pakai crash helmet dan suatu peraturan pun telah menetapkan satu tarikh di mana memaksa semua motorcyclist menggunakan crash helmet. Sampai hari ini peraturan itu dibatalkan oleh kerana tak cukup bekalan-nya. Tetapi sekarang bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan dan negara ini untuk keselamatan motorcyclist adakah Yang Berhormat Menteri berniat hendak melaksanakan peraturan itu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Yang Berhormat daripada Bandar Melaka ini sabarlah dahulu. Adakan soalan yang istimewa, nanti saya beri tahu. Janganlah hendak scoop news, sabarlah dulu.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, angka-angka yang telah diberikan oleh Menteri tadi menunjukkan kemalangan di tanahair kita tiap-tiap hari makin lebih

kuruh bukan hari perayaan sahaja, tetapi tiap-tiap hari, tiap-tiap bulan dalam laporan oleh pihak polis menunjukkan kemalangan kehilangan nyawa, injuries dan seperti itu ialah satu perkara yang serious dan saya hendak bertanya kepada Menteri, apakah langkah Kementerian hendak ambil untuk menyelesaikan hal ini?

Tadi Menteri berkata inilah satu masalah yang berkaitan dengan City Hall dan lain-lain Kementerian—itu betul. Tetapi bilakah Kementerian dan City Hall atau Perbandaran di tiap-tiap negeri kita boleh buat satu better road system, better traffic system, jangan menyalahkan motorist sahaja, salahkan jenis-jenis vehicles sahaja, tetapi kesalahan yang besar sekali ialah road system yang tidak sesuai dan tidak modern, not up-to-date.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu dia seorang architect, tetapi apa soalan tambahannya?

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan saya, bolehkah Kementerian menimbangkan selain daripada memajukan jalan-jalan to instal a mass rapid transit system, improve railway system untuk mengambil lebih passengers supaya kurang kereta yang hendak menggunakan jalanraya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini tentulah boleh bercakap sebagai architect begini-begini, tetapi architect membuat bentuk rumah, ini soal jalan. Saya harap Yang Berhormat itu faham dan tahu United Nations telah menolong dan membantu pakar dari seluruh dunia, ada team-work membuat research berkenaan dengan congestion di Kuala Lumpur, tetapi belum habis lagi, mereka minta tambah 2 bulan lagi untuk menghabiskan researchnya. Kita sedang menunggu laporannya bagaimana hendak mengekalkan kesesakan di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur dan hendak mengelakkan banyak lagi kemalangan-kemalangan, tetapi jangan lupa pihak polis juga berikhtiar dengan mengadakan radar bagi lori dan van yang lari kuat. Kalau Yang Berhormat memandu keretanya deras kena juga nanti Tapi jangan marah polis, jangan marah saya kerana hendak mengamankan kemalangan di jalanraya dan banyak lagi ikhtiar-ikhtiar. Saya pelawa Yang Berhormat sebagai

seorang architect yang aktif volunteer masuk menjadi ahli Road Safety Council, saya akan ucapkan terima kasih.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya bukan seorang pensyarah, Tuan Menteri ialah seorang lawyer, saya seorang engineer

Tuan Yang di-Pertua: Apa fasal? (*Ketawa*).

Tuan Ng Hoe Hun: Sebab itu barangkali saya tahu sedikit berkenaan dengan masalah road transport. Soalan saya, one of the contributing factors causing kemalangan-kemalangan di jalanraya ialah sebab lori 10 tan yang had lajunya 25 b.s.j. tetapi lari 60 batu sejam. Orang naik basikal pada waktu malam tidak ada lampu apa tindakan sudah diambil dan beritahu pemandu lori yang besar itu memandu perlahan-perlahan sedikit dan penonggang basikal diminta pasang lampu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu nasihat, apa soalan tambahannya?

Tuan Ng Hoe Hun: Apa langkah dia hendak ambil—itu sahaja (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Apa langkah barangkali dia dengar nasihat Ahli Yang Berhormat.

Tuan Ng Hoe Hun: Dia tahu, Tuan Yang di-Pertua, dia seorang lawyer (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang engineer dan seorang yang mengambil berat, kalau lori-lori yang lari lebih daripada 35 b.s.j. dia ambil nombornya, masanya, tarikhnya, batu berapa, beri kepada Registrar negeri itu, ia akan ambil tindakan dan pemandu-pemandu lori yang semacam itu apabila didapati salah, kita akan tahan vocational driving licencenya: seminggu, sebulan atau 2 bulan, terpulang berapa kali dia buat kesalahan itu ataupun kita tidak keluarkan licence mem-bawa lori itu.

Berkenaan dengan basikal ini ialah minor offence. Jadi, kalau Yang Berhormat sendiri, saya sendiri atau sesiapa pun naik basikal waktu malam tidak ada lampu, itu kerja polis menangkap dan masukkan dalam lock-up supaya mereka tidak kena langgar dan

mati, kalau mati akan merugikan. Enforcement is by the Polis, bukan Menteri Perhubungan atau enforcement officer. Saya harap Yang Berhormat itu ambil note sedikit.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, saya kerap kali berjumpa dengan lori-lori yang tidak bertulis kederasan B.S.J. yang bererti 25 batu satu jam atau sebagainya, tetapi ada setengah orang memanggil B.S.J. itu Bahagian Sardon Jaga (*Ketawa*).

Adakah Menteri Perhubungan bertindak menangkap lori

Tuan Yang di-Pertua: Tembak? (*Ketawa*).

Tuan Hashim bin Gera: Bukan, bertindak, menghukum lori-lori yang tidak mahu menulis kederasan kelajuan lorinya itu sebagai huruf yang saya kata tadi B.S.J. Banyak sekali saya jumpa dia tidak mahu menulis, ada setengah lori betul dia menulis besar dari jauh sudah terpampang 20 B.S.J., tetapi ada setengah lori dia tidak mahu tulis langsung, tetapi kederasan lorinya lebih daripada 60 batu. Adakah Menteri Perhubungan akan bertindak ataupun memberi kebenaran kepada Ahli Parlimen ini memberi nombor motokar itu supaya boleh dihukum.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu meminta kerja pula. Kalau Yang Berhormat itu sudah nampak beri nombornya, jadi Enforcement Officer atau Registrar di Perak akan tahan lori itu, kerana satu kesalahan dia tidak taruh had laju itu. Mereka boleh ambil tindakan, itu sahajalah. Tolong beri kerjasama. Terima kasih.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Adakah dari jumlah pemandu-pemandu yang terlibat di dalam kemalangan jalanraya ini sebahagian besarnya terdiri daripada pemandu-pemandu yang baru lulus dari ujian lesen ataupun terdiri dari pemandu-pemandu yang sudah lulus dari ujian ini 2 tahun atau 3 tahun lebih, ertinya saya ingin mendapat keterangan di sini mana yang lebih ramai pemandu yang terlibat di dalam kemalangan jalanraya ini antara pemandu yang baru lulus dari ujian dengan pemandu yang sudah lama lulus dari ujian.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya tidak hendak jawab.

Puan Bibi Aishah binti Hamid Don: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang asal iaitu saya bertanya apakah jenis-jenis kereta yang selalu terlibat dalam kemalangan iaitu what types of car that are accident-prone. Yang saya tanya itu soalan yang tidak berjawab, kerana saya hendak meminta apakah tindakan Menteri kita mengambil pada jenis kereta yang selalu terlibat di dalam kemalangan jalanraya—itu soalan, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan saya tadi oleh kerana banyak bilangan kemalangan di dalam negeri ini separuh motosikal, scooter dan motokar, sebab itulah kita kata banyak bilangan iaitu motokar, motosikal dan scooter dan yang lain-lain itu termasuk kereta lembu (*Ketawa*).

Puan Bibi Aishah binti Hamid Don: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah jenis kereta, maksud saya adakah kereta itu jenis Ford, Datsun, Toyota ataupun Volvo ataupun sebagainya—itu maksud saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu bertanya jenisnya. Saya minta notis kerana ini berkehendakkan detail.

JAMBATAN GANTUNG PERMATANG PAUH

10. Tuan Tan Cheng Bee minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa semua penumpang-penumpang bas yang berulang alik melalui jalan dari Butterworth ke Bukit Mertajam menerusi Jambatan Gantung Permatang Pauh terpaksa turun di situ dan berjalan kaki di sepanjang lorong yang merbahaya dan yang bergerak serta melambung turun naik kerana Jambatan itu digoyang oleh berat muatan kenderaan-kenderaan yang melintasi Jambatan itu; dan
- (b) jika sedar, nyatakan sampai bilakah keadaan ini akan berterusan atau bilakah sebuah jambatan tetap akan dibina untuk mengganti jambatan yang ketinggalan zaman.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jambatan dan jalan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah terletak di bawah jagaan pentadbiran Negeri. Walaubagaimanapun sebagai makluman kepada Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya Negeri terpaksa berbuat demikian untuk keselamatan pengguna-pengguna Jambatan Gantung ini. Kenderaan-kenderaan yang dibenarkan melalui jambatan ini ialah setakat 5 tan sahaja; meskipun demikian bas-bas yang beratnya lebih daripada 5 tan dibenarkan menggunakan Jambatan ini dengan syarat mengosongkan penumpang-penumpangannya kecuali mereka yang tua; tidak berupaya ataupun mengandungi. Penumpang-penumpang yang lain dikehendaki turun berjalan kaki dan menaikki semula bas yang ditumpanginya di sebelah jambatan itu.
- (b) Sebagaimana yang saya sebutkan di atas tadi hal ini dijalankan kerana mementingkan keselamatan pengguna-pengguna Jambatan ini. Perkara ini akan dapat diatasi apabila Kerajaan membina "Prai Barrage" yang akan juga merupakan sebuah Jambatan tetap untuk kegunaan semua kenderaan. Pembinaan "Prai Barrage" ini dijangka akan dimulakan pada awal tahun 1974 dan akan siap pada akhir tahun 1975.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan mendirikan jambatan itu Yang Berhormat Menteri mengatakan lebih kurang tahun 1974 boleh disiapkan, betulkah begitu?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan akan dimulakan pada awal tahun 1974 dan siap lebih kurang pada akhir tahun 1975.

Tuan Ng Hoe Hun: Terima kasih. Berkenaan dengan perkara itu di suatu masa dahulu iaitu di Parit Buntar

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan tambahankah?

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, ini berkenaan dengan jambatan. Yang Berhormat Menteri ada berjanji di dalam Dewan

Rakyat ini iaitu jambatan Parit Buntar pergi ke sebelah Bandar Baharu hendak siap. Tahun 1973 sudah hendak habis, jambatan belum lagi ada. Sekarang beliau kata hendak membuat sebuah jambatan lagi di tempat itu, saya tidak faham. Jambatan yang dijamin akan diadakan belum siap, sekarang memberi jaminan hendak membina sebuah jambatan lagi, jadi macam mana? Saya minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah mengatakan "jamin". Apa yang saya katakan saya akan buat dengan seberapa segera yang boleh, tetapi jambatan di Parit Buntar ini disebabkan beberapa perkara yang beyond our control, umpama kekurangan besi dan sebagainya pada tahun ini, jadi itulah sebab ada kelambatan pembinaan jambatan itu, tetapi walau bagaimanapun kita berusaha dengan seberapa daya yang boleh untuk menyiapkan seberapa lekas yang boleh.

Tuan Ng Hoe Hun: Ini bahasa yang special "jamin" dan "kata", saya kurang faham. Terima kasih, sekarang saya tahu. (Ketawa).

Tuan Tan Cheng Bee: Tuan Yang di-Pertua, kerana titi untuk penumpang-penumpang berjalan di tepi jambatan timbul ini, di sebelah sungai tidak ada partition cuma ada wire yang lembut. Itu sebabnya penumpang-penumpang perempuan hendak berjalan di sana merasa takut kerana nampak laut di sebelah kiri, dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi arahan kepada PWD untuk membuat partition di sebelah laut supaya orang tidak nampak laut itu dan tidak takut?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, pandangan Ahli Yang Berhormat itu adalah nampaknya baik dan perkara ini saya akan ambil perhatian.

ELAUN BANTUAN KHAS KEPADA PEKERJA-PEKERJA

11. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau akan mengambil tindakan untuk mengeluarkan satu arahan kepada tuanpunya-tuanpunya firma-firma, syarikat-syarikat, lombong-lombong, kedai-kedai, dll. supaya membayar atau menaikkan COLA

kepada pekerja-pekerja mereka sebagaimana yang telah dibuat oleh Kerajaan terhadap kakitangan-kakitangan Kerajaan.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, majikan-majikan dalam sektor swasta pada umumnya mengikut contoh Kerajaan yang membuat keputusan memberi Kakitangan Awam Elaun Bantuan Khas. Dalam beberapa kes Kementerian saya telah membantu kedua-dua pihak Kumpulan Pekerja dan Majikan dalam perbincangan-perbincangan mereka mengenai pembayaran Elaun Bantuan Khas. Oleh kerana kami mendapati yang adalah perlu memberi Elaun Bantuan Khas kepada pekerja-pekerja, terutamanya kepada mereka di dalam kumpulan berpendapatan rendah, Kerajaan berharap majikan-majikan mengikut contoh yang diberi oleh Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa elaun khas yang diberikan oleh Kerajaan kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan tidak mencukupi untuk menghadapi inflasi di negara kita. Dan majikan-majikan private sector pun ada menggunakan scale elaun khas Kerajaan sebagai satu maksima dan sungguhpun ada keadaan berbeza yang membolehkan majikan-majikan private memberi COLA yang lebih tinggi, mereka enggan, kerana mereka mengatakan elaun khas Kerajaan ialah yang maksima.

Sebab itu, yang pertama, bolehkah Yang Berhormat Menteri timbangkan meninggikan elaun khas untuk kakitangan Kerajaan. Yang kedua, buat satu pengumuman yang tegas kepada majikan-majikan swasta bahawa elaun khas yang diberikan oleh Kerajaan bukan satu maksima dan majikan-majikan di swasta boleh melebihi angka-angka itu untuk memberi COLA.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Kerajaan memberi special relief allowance ini Kerajaan menimbangkan semua perkara—the whole national interest, bukan sahaja wage-earning workers, tetapi farmers dan lain-lain di dalam negara ini, dan kita adalah percaya wage-earners yang ada di dalam peringkat rendah sekali patut kita beri bantuan khas yang kita beri pada masa sekarang dan ini

kita beri. Yang Berhormat meminta beritahu kepada semua private sector berilah lebih. Saya dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sudahpun berjumpa dengan majikan-majikan dan diberitahu ini adalah satu contoh—as a guideline. Kalau majikan hendak memberi lebih biarlah dia beri lebih. Ada juga majikan yang tidak boleh memberi umpamanya \$30 sebagaimana yang Kerajaan berikan, let the workers deal and talk to the employers. Kalau majikan itu boleh memberi \$20 ataupun \$30 tetapi dia rugi dan tutup perniagaannya, itupun kita hendak jaga juga, do not create unemployment. Dengan sebab itu, kita adalah memberi nasihat kepada pekerja-pekerja, kepada M.T.U.C. dan majikan to discuss this special relief allowance, bukan collective bargaining, bukan satu agreement yang tetap this is a special case for a special circumstance dan tidak usahlah kita membuat satu issue atas soal ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 19 adalah diberi di bawah ini).

POLIS TAHAN ORANG AWAM

12. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa Polis-polis terutamanya di kawasan Sitiawan, Perak, telah menahan orang-orang awam mengikut sesuka hati mereka walaupun orang-orang itu tidak bersalah dan mendakwa bahawa mereka telah disuap oleh orang-orang itu pada hal yang sebenarnya kes-kes yang bersangkutan itu telah dibatalkan begitu sahaja kerana kekurangan keterangan. Jika ya, apakah tindakan Kerajaan akan ambil ke atas Polis-polis yang melakukan perbuatan tidak berdemokratik dan dengan sengaja menyembunyi perbuatan-perbuatan mereka yang salah itu dari perhatian Kerajaan dan yang akan merosakkan nama baik dan imej Pasukan Polis Diraja di negeri ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Setahu saya tiada orang awam ditahan oleh Polis dengan sesuka hati mereka seperti yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Soalan yang dikemukakan oleh beliau sangatlah umum. Jika diberi makluman dengan lanjut atas satu persatunya bolehlah saya menyasat.

PENGARAH GERAKAN NEGERI SARAWAK

13. Datuk James Wong Kim Min minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada Pengarah Gerakan Negeri Sarawak.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak ada apa-apa kuasa yang telah saya beri kepada Pengarah Gerakan Negeri Sarawak. Jika Ahli Yang Berhormat bermaksudkan kuasa kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak maka saya suka memaklumkan bahawa pada 4hb April, 1972 kuasa-kuasa di bawah "The Preservation of Public Security Regulations, 1963" telah diberi kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak untuk Bahagian Ketiga Sarawak. Walaubagaimanapun kuasa-kuasa tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat, pengecualian atau kelayakan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

KENAIKAN HARGA RUMAH

14. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan, memandangkan kenaikan harga rumah-rumah yang dibina oleh Pengusaha-pengusaha swasta dan kekurangan rumah di kalangan rakyat yang berpendapatan rendah samada satu kajian seluruh negara akan diadakan untuk mengkaji bilangan rakyat yang berpendapatan rendah yang perlu ditempatkan atau ditempatkan semula dengan segera dan keputusan kajian itu diumumkan dan bagaimana Kerajaan bercadang untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Berikutan dari Banci Perumahan 1970, Jabatan Perangkaan telah menyiarkan Banci Perumahan Semenanjung Malaysia 1970 (Laporan Terakhir) dan Jadual Am Perumahan Negeri-negeri, di mana kesemuanya mengandungi data-data berhubung dengan stok perumahan, pecahan urban/rural, kelengkapan dan kemudahan di rumah-rumah kediaman persendirian, bilangan ahli

keluarga bagi tiap-tiap rumah kediaman, bilangan penghuni-penghuni bagi tiap-tiap rumah kediaman dan sebagainya. Jabatan Perangkaan yang dibantu oleh Universiti Sains Pulau Pinang serta Kementerian ini pada masa ini sedang di dalam peringkat akhir menganalisa bentuk kualitatif data, dengan penyiapan analisa tersebut, akan dapat menerangkan jumlah bilangan rumah yang perlu dinaikkan mutunya atau diperbaiki dengan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti bekalan air, api, letrik serta tandas dan sebagainya. Kerja-kerja ini adalah dijangkakan akan dapat disiapkan awal tahun depan. Angka keperluan-keperluan dan permintaan-permintaan perumahan hanya mungkin dapat ditentukan pada peringkat itu. Kementerian ini kemudiannya akan mencari jalan menyelesaikan masalah yang dihadapi. Sementara itu, rancangan perumahan harga murah sebagaimana yang dirancang di bawah Rancangan Malaysia Kedua akan terus dilaksanakan keseluruh negara.

KENAIKAN HARGA BARANG-BARANG

15. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan, memandangkan kepada kenaikan harga barang-barang keperluan pada masa ini, samada Kementerian beliau sedar akan perasaan kegelisahan di kalangan pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah; jika ya, nyatakan bila sistem gaji minima akan dilaksanakan oleh majikan-majikan.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Kementerian saya sedar dengan sepenuhnya akan kerumitan-kerumitan yang dihadapi oleh pekerja-pekerja, terutamanya mereka yang dalam kumpulan berpendapatan rendah, disebabkan kenaikan harga barang-barang keperluan yang terdapat sekarang ini.

Kerajaan, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum telahpun memberi mulai dari 1hb Oktober, 1973 elaun bantuan khas kepada semua pekerjanya yang berpendapatan gaji bulanan sebanyak \$500 atau kurang, disamping juga telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasi masalah kenaikan harga. Saya gembira yang beberapa majikan disektor swasta telah juga memberi elaun yang sama kepada pekerja-pekerja mereka.

Di negeri kita tidak terdapat sistem gaji minima kebangsaan pada masa ini. Walau bagaimanapun, sistem gaji minima sudah pun dilaksanakan mengenai penolong-penolong kedai dalam 26 bandar di Semenanjung Malaysia, rumah tumpangan dan pelayan-pelayan dalam 11 bandar, pekerja panggung wayang di seluruh Semenanjung Malaysia dan pengendali-pengendali muatan dan pemungkah-pemungkah kapal di Pelabuhan Pulau Pinang. Bagi mereka yang lain gaji adalah pada umumnya mengikut perjanjian-perjanjian bersama yang dirundingkan di antara majikan-majikan dan kesatuan-kesatuan sekerja.

ANCHOR SHOE MANUFACTURERS— PEKERJA

16. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (i) samada beliau sedar bahawa pekerja-pekerja lelaki di "Anchor Shoe Manufacturers" dibayar gaji yang rendah sebanyak \$3.50 sehari dan \$2.00 sehari bagi pekerja-pekerja perempuan dan jika ya, apakah langkah-langkah yang beliau telah ambil untuk membolehkan pekerja-pekerja itu mendapat gaji yang berpatutan; dan
- (ii) samada pertikaian perindustrian di antara majikan dan pekerja-pekerja syarikat tersebut sudah diselesaikan dan jika ya, nyatakan syarat-syarat perjanjian yang dicapai itu.

Tan Sri V. Manickavasagam:

- (i) Pada masa ini terdapat seramai 83 orang pekerja yang digaji oleh Syarikat Pembuat Kasut Malaysia (Kasut Anchor, Petaling Jaya). 26 dari mereka adalah pekerja lelaki yang 11 dari mereka adalah pekerja baru dan tidak mempunyai kemahiran yang dikehendakki dan pengalaman yang diperlukan, untuk perusahaan tersebut dan dibayar gaji \$3.50 sehari. Pekerja-pekerja lelaki yang 15 lagi itu juga dibayar gaji di antara \$4.00 hingga \$7.50 sehari. Dari pekerja-pekerja perempuan yang lain itu dibayar gaji di antara \$3.00 hingga \$8.00 sehari. Pada umumnya, gaji pekerja-pekerja baru yang dikaji semula setelah seorang pekerja itu berkhidmat dengan syarikat selama 3 atau 6 bulan dan

ianya diberi kenaikan gaji di antara 30c. hingga \$1.00 sehari bagi pekerja lelaki dan 20c. hingga 70c. bagi pekerja-pekerja perempuan. Oleh itu saya tidak sedar akan hakikat yang terdapat ada pekerja lelaki di tempat kerja tersebut yang dibayar gaji serendah \$3.50 sehari dan pekerja perempuan yang dibayar gaji \$2.00 sehari seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kampar.

(ii) Pertikaian di antara pekerja-pekerja di Syarikat telah diselesaikan pada 17hb Oktober, 1973. Syarat-syarat penyelesaian adalah seperti berikut:

- (1) Syarikat akan memberi kenaikan sebanyak 50c. sehari kepada tiap-tiap pekerja yang melapurkan diri untuk bekerja dari tarikh selepas mogok.
- (2) Pekerja-pekerja yang melapurkan diri untuk bekerja semula akan dilayan seperti pekerja-pekerja lama.
- (3) Pekerja-pekerja akan menarik balik rayuan mereka kepada Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat di bawah Seksi 16A dari Akta Perhubungan Perusahaan, 1967.
- (4) Pekerja-pekerja akan menarik balik tuntutan-tuntutan mereka untuk menukar kadar gaji harian kepada kadar gaji bulanan.
- (5) Syarikat akan memberi kenaikan tahunan kepada setiap pekerja sebanyak tidak kurang dari 40c. sehari.
- (6) Masa bekerja sepatutnya 48 jam seminggu.
- (7) Setiap pekerja akan menandatangani satu kanun kelakuan.
- (8) Pekerja-pekerja tidak akan membuat tuntutan lain kepada Syarikat selama tempoh masa setahun.

KAD PENGENALAN WARNA MERAH

17. Tuan Lee Seck Fun minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa masih ada sebilangan besar pemegang-pemegang kad pengenalan berwarna merah,

dan jika ya, nyatakan bilangannya mengikut umur, kaum dan jantina; dan

- (b) samada beliau sedar bahawa pemegang-pemegang kad pengenalan berwarna merah ini merasa mereka tidak mungkin untuk mendapatkan sijil-sijil kewarganegaraan dan pekerjaan kerana sebab-sebab yang tertentu dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi kesusahan dan masalah yang dihadapi oleh mereka.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Saya sedar bahawa ada seramai lebih kurang 372,000 orang penduduk-penduduk di negeri ini yang memegang kad-kad pangenalan berwarna merah pada masa ini. Walau bagaimanapun pecahan mengikut kaum, umur dan jantina bagi mereka ini tidak diketahui kerana rekod-rekod tidak disimpan mengikut kaum, umur dan jantina, dan juga bukanlah menjadi amalan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menerbitkan angka-angka mengikut kaum.
- (b) Pemegang-pemegang kad pengenalan merah adalah penduduk-penduduk tetap di negeri ini dan yang demikian mereka boleh memohon menjadi warganegara mengikut Perlembagaan. Masalah kesusahan mendapat pekerjaan yang dihadapi oleh mereka ini, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, bukanlah dirasai oleh mereka yang bukan warganegara sahaja bahkan mereka yang warganegara pun menghadapi masaalah ini. Bagi mengatasi masaalah ini Kerajaan sentiasa berusaha mengadakan peluang-peluang pekerjaan yang lebih banyak sungguhpun keutamaan (preference) diberi kepada warganegara-warganegara yang berkelayakan.

PENGGANAS KOMINIS

18. Dr A. Soorian minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan pengganas kominis yang terbunuh atau ditangkap di Malaysia Barat dalam sembilan bulan yang pertama tahun 1973 dan bilangan anggota Pasukan Keselamatan yang terbunuh

atau ditangkap oleh musuh dalam masa yang sama.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Dalam sembilan bulan yang pertama tahun 1973, seramai 3 orang pengganas kominis telah dibunuh di Semenanjung Malaysia. Tidak ada pengganas kominis yang ditangkap.

Dalam jangka masa yang sama sejumlah 4 orang anggota Pasukan Keselamatan telah terbunuh. Tidak ada anggota Pasukan Keselamatan yang ditawan oleh musuh.

**“PERISTIWA” DI TV MALAYSIA—
RANCANGAN**

19. Dr A. Soorian minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau akan memberhentikan tayangan rancangan “Peristiwa” melalui rangkaian kedua Talivisyen Malaysia pada malam hari Rabu supaya gangguan tayangan gambar Hindi dan Tamil dapat dikurangkan seberapa yang boleh, oleh kerana filem-filem ini, terutamanya filem Hindi, menghiburkan semua kaum di negara ini.

Menteri Penerangan (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Kementerian ini tidak bercadang untuk memberhentikan tayangan rancangan “Peristiwa” pada tiap-tiap malam Rabu. Rancangan “Peristiwa” adalah satu rancangan yang popular dan ia tidak sekali-kali mengganggu gambar Hindi dan Tamil yang ditayangkan itu. Untuk maklumat Yang Berhormat, gambar filem lain yang diminati ramai seperti filem Arab dan Melayu juga diberhentikan untuk menyiarkan Rancangan “Peristiwa”.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
YANG DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT**

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

KAJIAN SEMULA PERTENGAHAN PENGAL RANCANGAN MALAYSIA KEDUA

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Usul dikemukakan oleh Perdana Menteri dan Masalah dicadangkan:

Bahawa Dewan, *sambil menyedari* kejayaan cemerlang dalam masa tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kedua dalam usaha-usaha untuk mencapai dua matlamat utama Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat Malaysia bagi memperimbangan jurang perbezaan ekonomi antara kaum, *meluluskan* Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua, dengan peruntukan-peruntukan perbelanjaan pembangunan awam yang dikaji semula bagi tujuan memenuhi matlamat-matlamat yang telah bertambah dari segi ukuran-ukuran dasar dan rancangan-rancangan pembangunan sebagaimana yang tercatat dalam Kertas Perintah No. 44 tahun 1973.

Bahawa, *sambil meluluskan* Kajian Semula Rancangan ini, Dewan *menyeru* agar semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup dengan sepenuh azam akan membaharui dedikasi dan melibatkan diri mereka dalam usaha yang penuh cabaran ini bagi menentukan kejayaan sepenuhnya matlamat Rancangan Malaysia Kedua serta Dasar Ekonomi Baru dan dengan ini akan mewujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama dan satu negara yang bersatu dan maju yang seharusnya dapat kita semua rakyat Malaysia banggakan dalam memberi perkhidmatan dan mempertahankannya, sebagaimana yang dikehendaki oleh Rukunegara. (28hb November, 1973).

Perbahasan disambung semula.

3.42 ptg.

Datuk Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Yang di-Pertua, bahawasanya tidak syak lagi dalam tempoh yang singkat iaitu 10 tahun yang sudah kemajuan yang pesat telah dijalankan oleh Kerajaan kerana kita dapati pada masa ini sampaikan pananam-penanam sayur, penoreh getah, penanam padi hinggalah budak sekolah pun memakai jentera dan sebagainya menguruskan hal ehwal mereka sendiri hari-harian.

Tahun sudah, iaitu tahun 1972 lebih 10,000 orang Islam menunaikan Fardhu Haji dan tahun ini pula lebih 14,000 orang akan ke Tanah Suci Mekah menunaikan Fardhu Haji. Ini menunjukkan dengan nyata dan jelas, adalah kemajuan dalam negara kita ini berjalan sangat pesatnya.

Rancangan Malaysia Kedua memang disanjung tinggi oleh rakyat jelata tetapi saya sangat-sangat sukacita dan berterima kasih kepada Kerajaan kerana beraninya membentangkan dalam Dewan ini supaya kita sekalian terutama sekali pihak Pembangkang dapat memberi teguran dan fikiran. Mereka menyokong, tetapi mencaci dengan tidak memberi pandangan cara membina untuk kita memajukan lagi Rancangan Malaysia Kedua kita ini dan di atas hal pendirian pembangunan sedemikian itu saya sangat-sangat dukacita.

Latihan Bekerja

Rancangan seperti Kerajaan melatih pemuda kita bekerja di Dusun Tua sedemikian itu, saya mendatangkan syor di sini, supaya jangan melatih bekerja sahaja bahkan latih pemuda-pemuda serta pemudi kita di kampung-kampung untuk berniaga kerana keselamatan negara kita ini bergantung teguh dan kuatnya di atas Dasar Ekonomi Baru kita ini dan bagaimana pemuda-pemudi kita dapat memainkan peranan mengambil bahagian masing-masing dalam lapangan perniagaan perusahaan cara yang aktif. Latihan seperti buruh dan sebagainya itu, saya rasa, senang sahaja, tetapi jurusan ekonomi sangat penting dan sangat besar maknanya kepada negara kita pada masa akan datang dan saya *sambil* memuji urusan seperti yang dijalankan oleh UDA, MARA, S.E.D.C. dan sebagainya saya takut-takut rancangan itu dijalankan sebelah pihak sahaja kemudahan-kemudahan ini ada,

tetapi siapa yang hendak mengambil peluang yang keemasan ini ditaburkan oleh badan-badan yang menjalankan rancangan yang begitu baik, teratur dan pesat.

Monopoli Ekonomi

Saya percaya rancangan ekonomi dalam negara kita ini bagi masa sekarang ini hampir-hampir dimonopolikan oleh kaum-kaum. Kaum mana sekalipun, dalam bidang ekonomi kalau kaum itu pegang maklumlah kita pegang emas, wang dan ringgit, bangsa itu akan menjaga haknya dengan cemburunya dan mempertahankan dengan darah daging dia atas kedudukannya ini. Orang Melayu kita, apabila saya ke kampung bertanya adakah Rancangan Malaysia Kedua bagus? Buka kedai, bengkerap, buka kedai besar tak jadi. Bukan orang kampung boleh kita salahkan, malahan Kerajaan sendiri pun saya tak dapat menyatakan dalam pengalaman saya satu urusan yang dijalankan oleh Kerajaan sendiri, umpamanya perniagaan Lori Malaysia, MAS dan macam-macam perniagaan, satu perniagaan pun Kerajaan sendiri tak dapat untung. Untung bermakna seimbang dengan modal-modal yang ditaburkan itu, apakah harapan yang ada kepada orang Melayu? Jurusan ini memang tertutup kepada orang Melayu dahulu dan saya harap peluang-peluang yang dibuktikan oleh S.E.D.C., MARA, PERNAS dan sebagainya itu diikuti dengan orang-orang yang dilatih, umpamanya kita boleh ambil orang-orang daripada kampung yang mahir menjalankan kedai kopi, nasi dan sebagainya. Masa ini kita tengok di kampung-kampung orang menjual kopi, orang menjual barang-barang runcit, dan sebagainya. Menjual kopi dengan tak ada memakai baju, mangkok dia sumbing, tak ada peraturan hendak letak dan tak ada minat. Saya berpendapat kopi ini yang baik sekali, kalau dalam dunia ini yang pandai sekali membancuh kopi ialah Cina bangsa Hailam dan kita boleh belajar daripada orang Cina, belajar betul-betul dan apabila telah dilatih dari bulan ke tahun seperti yang dilatih oleh Hotel Hilton itu, saya betul-betul sanjung tinggi, itulah bakat-bakat boleh berniaga dan inilah orang yang akan berenang bersendirian dengan tidak dapat kemalangan dan tenggelam dalam lautan yang penuh dengan cabaran dalam lapangan ekonomi.

Saya pun memberi tahniah kepada pegawai-pegawai yang membantu Rancangan Malaysia kita ini berjalan dengan baik, tetapi pegawai-pegawai kita ini cukup cekap dalam figuring mereka first class, tetapi apabila menjalankan secara prektikal tak sampai ke mana. G.N.P. 11% saya akui, tetapi kalau kita pergi ke kampung-kampung berasa dukacita tak sampai ke situ. Pada keseluruhannya barangkali di dalam bandar memang betul, tetapi dalam kampung kalau kita betul-betul pergi ke grass root tak ada sampai ke sana. Jadi jangan kita berharap sangat kepada figuring ini, dan saya harap kita pergi ke bawah baharulah kita nampak ketetapan yang sebenar-benarnya.

Saya berbalik berkenaan dengan perniagaan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan sendiri iaitu PERNAS menjalankan insuran kita tengok budak-budak muda—freshies from the university. Dalam pengalaman saya sendiri kita ambil insuran polisi kerana hendak menolong PERNAS dan menolong bangsa Melayu hampir-hampir 20-30 polisi kita ambil daripada PERNAS. Hampir tak sampai 10 hari semuanya dipulangkan balik, akibat satu pelanggaran antara keretapi dengan bas di Kelantan dan Insuran M.N.I. ini terpaksa membayar ganti-rugi hampir-hampir \$1 juta. Maka tak sampai dua hari saya dengar kemudian polisi dalam tanah air kita ini dihantar balik. Ini menunjukkan orang ini tak lengkap, tak pandai berniaga. Saya tengok dan saya perhatikan, umpamanya macam Lori Malaysia, M.N.I. ini kita cakap di luar nampaknya baik, gambarannya cukup terang, tetapi saya rasa di dalamnya tidak baik. Ini saya letakkan satu gambaran kepada Tuan Yang di-Pertua, iaitu perniagaan ini bukan senang. Dalam bilik berhawa dingin, kita nampak senang, tetapi apabila kita menjalankan dengan sesungguhnya tidak begitu senang. Saya tak menyalahkan kepada orang Melayu kerana perlawanan dalam lapangan ini terlampau besar.

Dalam Rancangan Malaysia ini, saya telah mendatangkan syor di sini tetapi ditolak oleh Kerajaan. Ini satu rancangan yang sangat besar maknanya kepada kita samada kita hidup atau mati bergantunglah kepada rancangan ini, iaitu orang Melayu, orang Cina mestilah bersatupadu dalam perniagaan di negara ini mahu tak mahu mestilah diberi kepada orang Melayu sekurang-kurangnya 30%. Kalau tidak, saya telah memberi amaran kepada Kerajaan bertahun-tahun

dahulu apabila habis pegganas-pegganas dalam hutan, maka orang Melayu akan masuk dalam hutan dan hancur-leburlah negara kita.

Menteri Khas

Oleh sebab itu, saya harap dahulunya syor saya ini telah ditolak oleh Kerajaan iaitu mengadakan Menteri Khas mengikuti dengan tegasnya supaya rancangan ini diperhatikan daripada segenap segi. Daripada Kuala Lumpur ini tidak nampak, daripada Ipoh tidak nampak, daripada Kota Bharu tidak nampak, kita mesti pergi ke bawahan sendiri, perhatikan. Sebab itu kalau tidak dapat satu Menteri Khas melihat progress ataupun perjalanan rancangan-rancangan menolong orang Melayu di segala lapangan samada perkapalan, samada stock-brokers sampai berniaga sayur sekali pun mestilah diawasi. Kalau tidak ada seorang Menteri yang menguruskan perkara ini, saya mendatangkan satu syor lain iaitu satu Badan Pengawas yang tegas mengikuti setiap masa dan ketika supaya progress mereka ini dapat dijalankan dengan teratur dan tidak di Ali Babakan.

Pasukan Polis dan Tentera

Semalam Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur dan Dato Kramat telah menyatakan mengapa orang Melayu sahaja dalam Pasukan Polis? Mengapa orang Melayu sahaja dalam Pasukan Tentera? Mengapa orang Melayu sahaja dalam Navy? Mereka tidak sedar bahawa peperangan yang kedua dahulu 1,000 lebih jiwa orang Melayu terbang, orang Melayu tidak kata apa. Sekarang orang Melayu dalam Pasukan Polis, rumah-rumah Menteri 24 jam mereka jaga, di market, di bank, di kapal, di jalan-raya, keselamatan Ahli-ahli Yang Berhormat, orang Melayu jaga. Kalau kita tengok hari ini, sangat menyedihkan. Di Bandaraya Kuala Lumpur ini satu kedai, corak Melayu sungguh-sungguh saya rasa tidak ada. Tidakkah Ahli Yang Berhormat hendak bercakap di sini berhati-hati sebagai Wakil Rakyat yang bersungguh-sungguh iaitu menjadi penganjur negara supaya harta kekayaan negara ini dibahagi bersungguh-sungguh untuk bukan faedah orang Melayu sahaja bahkan kepentingan keseluruhannya.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur minta gaji polis, dan gaji askar dinaikkan, orang Cina mahulah masuk jadi polis. Dia penting duit, dia pentingkan duit dahulu. Memanglah orang Cina dia hendak duit sahaja. Minta maaf, Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur ini dia pentingkan duit. Saya tidak begitu. Saya menyatakan kepada beliau berniaga bukan senang. Tetapi, saya rasa menjadi seorang doktor lebih senang lagi daripada saya berniaga. Saya berniaga sendiripun saya lantik manager orang Cina. Saya boleh buang orang Cina esok, tetapi untuk perpaduan, untuk kepentingan rancangan Kerajaan ini kita bawa Cina. Dahulu, syarikat kami seorang tidak pakai orang Cina, kita boleh berdiri 100 peratus orang kita, tetapi dalam menyahut nasihat daripada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri ambillah bangsa lain, kita ambil. Saya kata di atas nama saya hendak kata name lending is nil, tetapi demi kepentingan perpaduan terpaksa kita memakai bangsa asing.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi? Saya minta pendekkan sedikit sebab masa sudah suntuk.

Datuk Tajudin bin Ali: Sedikit lagi. Semalam saya cuma bercakap dua tiga minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Datuk Tajudin bin Ali: Ya, terima kasih. Bagi pihak kita, kita pun rancangan dengan kawan-kawan kita, terutama sekali Dewan-dewan Perniagaan saya dan kawan saya yang dianjurkan oleh Yang Berbahagia Tengku Razaleigh telahpun berpakat, Dewan-dewan Perniagaan telahpun bersetuju kita adakan satu Dewan sahaja. Ini maknanya perpaduan hampir sampai. Kita cuma adakan satu Dewan Kebangsaan Malaysia iaitu Melayu, Cina, India, semua kita akan gabungkan. Tetapi apabila sampai kepada pihak bawahan, kita takut tidak dapat perkara ini dijalankan.

Dasar Luar Negeri

Polisi Kerajaan luar negeri. Saya beri 100 peratus markah, cukup bagus, cukup pintar terutama sekali hal ehwal Asia Barat dan juga hal ehwal menyambut dengan baiknya

kerana memperlindungi orang luar yang tidak ada negeri seperti Tuan Zaini dan rakan-rakannya. Saya bagi pihak Larut Utara menyambut baik, saya kata ini sangat baik dan saya harap kepada Kerajaan jagailah orang ini, kerana Malaysia kita ini bukan sahaja bercakap bahkan menjalankan prinsip demokrasi yang sebenar-benarnya. Siapa tidak ada negeri, kita jua jaga siapa tidak diterima oleh negeri lain, kita bawa. Ini saya katakan, saya dari Larut Utara memberi kepujian kepada Kerajaan dan memberi foreign policy itu 100 peratus markah.

Tuan Yang di-Pertua, kehilangan Yang Amat Berhormat Tun Dr Ismail sangatlah kita mendukacitakan dan di sini saya quote dengan tegasnya ucapan, pendek sahaja, potongan ucapan daripada Yang Berhormat Tun Tan Siew Sin seperti berikut:

“ We pay our respect today to one of the greatest Malaysians of all times and I have no doubt that this verdict will be confirmed by history.”

Saya titikberatkan begini. Yang Amat Berhormat sendiripun bertungkus-lumus bekerja berkorban masa dan jiwa untuk negara. Sampai sekarang saya tahu Yang Amat Berhormat Tun Dr Ismail telahpun meninggalkan balu dan anak-anak. Kita mengucapkan takziah dan sebagainya. Saya mengesyorkan kepada Kerajaan oleh sebab anak-anaknya masih di bangku sekolah lagi, saya syorkan kita beri satu sara hidup kepada Toh Puan Norashikin yang difikirkan berpatutan. Barulah berkekalan. Dan suatu ingatan kita yang berkekalan kepada balu Tun Dr Ismail dan anak-anaknya.

Mengalu-alukan Lantikan Timbalan Perdana Menteri

Sebagai seorang Ahli dari Larut Utara saya juga mengalu-alukan lantikan Yang Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai Timbalan Perdana Menteri. Saya sendiri faham sangat pada Yang Berhormat. Kita nampak lembut tetapi jangan buat main. He is as strong as the Rock of Gibraltar. Saya kenal baik dan kita pun terhutang budi terutama sekali syarikat saya memang beliau sentiasa memberi nasihat dan kebaikan syarikat-syarikat yang saya jaga juga terhutang budi kepada kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Saya harap bagi pihak

pengundi-pengundi saya dari Larut Utara saya mengucapkan selamat kepada beliau dalam urusan yang penting ini.

Bahan-bahan Mentah

Kita selalu rugi dalam urusan menjual bahan-bahan mentah kita terutama getah dan bijih timah. Saya kuatkan supaya Kerajaan membuatkan urusan E.E.C. ini bersungguh-sungguh setanding dengan European Common Market. Kalau tidak kita tidak sampai ke mana. Keuntungan besar ialah bagi pihak capitalist, bagi pihak pengeluar tidak. Oleh sebab itu, saya kuatkan perkara ini supaya Kerajaan bersungguh-sungguh hati ada pakatan ini supaya kita dapat keuntungan penuh daripada jualan sekala perkara yang kita keluarkan terutama sekali getah dan bijih timah serta kayu balak.

Minimum Wage

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan minimum wage. Perkara itu telahpun kita bawa kelmarin, saya ingin memberi pandangan pada pihak Menteri berkenaan hendaklah berhati-hati di atas perkara ini kerana minimum wage itu bukan kita boleh buat with a stroke of the pen, dia mesti ada perbezaan pendapatan di dalam Kuala Lumpur ini lain, di Ipoh umpamanya lain dan di Pulau Pinang lain. Kalau kita buat undang-undang minimum wage semua peniaga Melayu yang baru muncul mesti bengkerap, kerana peniaga Melayu ini reserve fund tak ada, hukuman Kerajaan dia kena bayar \$3, dia tak upaya. Akhirnya bengkerap. Saya harap perkara ini boleh jadi satu hari kelak, tetapi sekarang it is still premature, kita mesti nanti satu masa kelak, barulah kita adakan minimum wage, tetapi scalenya mesti ada sliding scale. Kalau tidak akibatnya buruk kepada peniaga-peniaga orang Melayu.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

4.00 ptg.

Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub (Payang): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira di samping berterima kasih kepada Kerajaan Pusat yang telah membuat kajian semula mengenai Rancangan Malaysia

Kedua 1971-1975 dengan begitu teliti dan telah menambahkan beberapa peruntukan-peruntukan yang penting yang akan menjamin pembangunan kemajuan dalam negeri kita ini akan semakin bertambah pesat.

Kerajaan Campuran Negeri Sarawak

Tuan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan Campuran Negeri Sarawak mula-mula mengambil alih pentadbiran Negeri Sarawak daripada Kerajaan yang sebelumnya kita telah berjanji kepada rakyat dalam negeri Sarawak, bukan saja untuk mengadakan sebuah Kerajaan yang kuat, sebuah Kerajaan yang berani dan jujur tetapi juga ianya berazam hendak mempercepatkan lagi pembangunan kemajuan sosial dan ekonomi. Daripada mula-mulanya lagi kami telah menerangkan iaitu kami akan mengkaji semula Rancangan Malaysia Kedua bagi negeri Sarawak yang mana telah disediakan oleh Kerajaan yang dahulunya, dan kami telah berjanji hendak membuat beberapa perubahan-perubahan yang penting sehingga akhir Rancangan Malaysia Kedua iaitu tahun 1975.

Dalam tempoh 3 tahun yang lalu Kerajaan Campuran Negeri Sarawak telahpun membuat beberapa perubahan-perubahan mustahak dan menyusun semula susunan-susunan kepentingan dalam pelan tersebut. Kesemuanya ini adalah menggambarkan arah pembangunan yang dianggap perlu oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak bagi mencapai tujuan-tujuan yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua. Perubahan dan penyusunan semula tersebut tadi telahpun dibuat memandang kepada keperluan menyelesaikan masalah-masalah yang mendesak dalam negeri Sarawak terutama sekali dalam bidang mengenai keselamatan dalam negeri, pengangguran dan usaha meluaskan lagi jentera-jentera Kerajaan bagi meliputi kawasan yang lebih besar dalam negeri tersebut. Langkah-langkah tersebut telahpun memerlukan kajian semula dasar dan sistem pendidikan dalam negeri Sarawak misalnya. Penubuhan bahagian dan daerah-daerah yang dibuat dan juga yang sungguh penting ialah menjalankan pembangunan dengan lebih teratur dan rapi dengan tujuan menyelesaikan bukan sahaja masalah yang sedang dihadapi sekarang tetapi juga keperluan-keperluan jangka

panjang dalam Sarawak. Sungguhpun perubahan-perubahan telahpun dibuat dalam rancangan pembangunan pada tingkat permulaan lagi, kami telah menerangkan iaitu beberapa perubahan yang lain perlu juga dibuat semasa Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua dilakukan supaya projek-projek dan program-program boleh dilakukan mengikut kehendak dan cita-cita Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri.

Peruntukan Pembangunan

Saya sukacita menerangkan iaitu Kerajaan Pusat telah memberi sokongan yang penuh atas semua langkah-langkah tersebut tadi dan telahpun bersedia menaikkan peruntukan pembangunan daripada \$550 juta kepada \$850 juta bagi Negeri Sarawak sahaja. Kenaikan ini merupakan tambahan keseluruhannya sebanyak 55%. Ini tidak termasuk perbelanjaan bagi pertahanan dan keselamatan dalam negeri. Tanggungan Kerajaan Pusat bagi membiayai rancangan pembangunan bagi negeri Sarawak telah bertambah daripada \$325 juta kepada \$506 juta ataupun tambahan sebanyak hampir 56%. Kerajaan Negeri dan badan-badan berkanun telah menambah perbelanjaannya daripada \$225 juta kepada \$343 juta. Semuanya ini dengan tujuan hendak mempercepatkan lagi tempoh kemajuan sosial dan ekonomi dalam negeri Sarawak.

Pengkajian Semula Rancangan Pembangunan kita sangat-sangatlah bermakna kepada Sarawak bukan sahaja kerana tambahan peruntukan-peruntukan seperti tersebut tadi. Ianya bermakna daripada beberapa segi. Pengkajian semula itu telah mengambil perhatian misalnya tentang perubahan-perubahan dasar yang telah dibuat oleh Kerajaan Campuran Negeri Sarawak berkenaan dengan pendidikan iaitu peperiksaan Common Entrance Examination telahpun dihapuskan dan sekolah-sekolah rendah yang dahulu ditadbir oleh kuasa-kuasa tempatan atau local authorities sedang diambil alih oleh Kerajaan. Ini melibatkan peruntukan yang begitu besar yang pada permulaannya tidak termasuk dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua. Bagaimanapun Kerajaan Pusat, demi kepentingan rakyat telah bersetuju membuat peruntukan tambahan. Peruntukan baru telahpun dibuat bagi membiayai beberapa subsidies scheme iaitu satu rancangan membantu perusahaan

lada yang sangat penting dalam ekonomi Sarawak. Rancangan ini juga tidak termasuk pada mulanya dalam Rancangan Malaysia Kedua tetapi memandangkan kepada kepentingan ekonomi negeri Sarawak dan kepentingan lada kepada negeri Sarawak, Kerajaan Pusat tidak teragak-agak bagi memersetujui sekim ini sebelum kajian semula dilakukan.

Kementerian Pertanian telah juga memberikan peruntukan-peruntukan baru di bawah Agricultural Diversification Scheme untuk melaksanakan rancangan ternakan. Kawasan beberapa ribu ekar di kompleks Miri-Bintulu sedang diusahakan sekarang untuk melaksanakan sekim itu. Peruntukan yang lebih telahpun diberikan pada kajian itu bagi kepentingan perhubungan dan infrastructural services. Tidak ketinggalan Kementerian Penerangan dan Penyiaran telah menyediakan peruntukan untuk mengadakan talivisyen, menambahkan yunit-yunit penerangan yang bergerak. Lapangan Terbang Kuching, Miri dan lain-lain akan juga diperbesar. Pimbinan jalan-jalan raya dan kemudahan-kemudahan pelabuhan sangat-sangat perlu bagi memudahkan eksploitasi hasil-hasil bumi dalam negeri dan juga hutan-hutan di Sarawak Tengah.

Inilah kali yang pertamanya, pembangunan dalam negeri Sarawak dirancang menggunakan integrated approach dan berkaitan dengan itu berbagai-bagai pengkajian feasibility akan dijalankan. Semuanya ini telah dimasukkan dalam pengkajian semula itu dan berbagai-bagai pembangunan lain lagi sedang pesat dijalankan, dan saya dapat membutirkan beberapa banyak lagi projek-projek dan program-program pembangunan yang diatur semula oleh Kerajaan Pusat dan juga oleh Kerajaan Campuran Negeri Sarawak.

Dalam paragraph 362 dan 395 Buku ini kita akan dapati bahawa Kerajaan Pusat akan memberi peruntukan yang lebih banyak lagi untuk meluaskan sawah padi di negeri Sarawak.

Berhubung dengan RISDA adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri Sarawak supaya RISDA juga akan dapat menjalankan projeknya di sana.

Pelajaran dan Latihan

Berkenaan dengan masalah pelajaran dan latihan di bidang pertanian misalnya, dalam

paragraph 378 beberapa institusi peladang telah diadakan di sana yang sangat-sangat menggembarakan rakyat Malaysia di Sarawak itu ialah termasuk di dalam plan itu dalam paragraph 378 tadi penubuhan sebuah kampus daripada Universiti Pertanian sedang dirancang dan Vice-Chancellor Universiti Pertanian bersama-sama dengan Ketua Setiausaha Negara dan pegawai-pegawai yang lain telahpun melawat kawasan-kawasan yang berkenaan di Negeri Sarawak. Kerajaan Negeri Sarawak seperti yang telah saya umumkan beberapa lama dahulu bersedia memperuntukkan kawasan hutan sebanyak 250,000 ekar demi kepentingan mengadakan kampus ataupun kolej akan bergabung dengan Universiti Pertanian tersebut. Adalah menjadi harapan rakyat Malaysia di Sarawak dan juga di Sabah semoga kita akan dapat mempunyai sebuah universiti yang penuh (full-fledged university) di masa yang akan datang. Ini tidak bermakna berharap semoga tahun 1974-1975 universiti ini akan didirikan. Kita mengetahui berbagai-bagai kerumitan dalam masalah ini, tetapi kita berpuashati bahawa langkah yang pertama telahpun diambil oleh Kerajaan Pusat di dalam masalah ini menggambarkan sungguhpun dalam Rancangan Malaysia Peringkat permulaan rancangan ini telah tidak ada dimasukkan, namun Kerajaan Pusat telah dapat memasukkan rancangan ini dalam Kajian Semula ini.

Menyentuh mengenai pelajaran dan latihan di bidang pertanian juga, saya ingin memberi sedikit pandangan tentang rancangan hendak menggunakan mechanisation dalam pertanian. Saya harap Kerajaan Pusat akan berhati-hati dalam masalah ini, kerana kita menghadapi masalah gangguan dalam negeri ini. Apa yang harus kita fikirkan ialah mencari jalan bagaimana dapat seekar tanah mengeluarkan hasil yang lebih banyak daripada yang pernah dihasilkan dahulu. Jikalau kita membawa misin tetapi misin ini akan menggantikan tenaga manusia ini akan menimbulkan pengangguran lebih besar lagi. Saya tidak bermaksud bahawa kita harus menggunakan misin sama sekali ataupun hanya menggunakan kerbau sahaja, tidak demikian, tetapi apa sahaja yang akan kita gunakan hendaklah kita fikirkan dengan sedalam-dalamnya akibatnya terhadap tenaga manusia di dalam negeri kita ini.

Dalam paragraph 380 ada tersebut bahawa :

“Untuk mempercepatkan penyertaan belia-belia Bumiputra di bidang perusahaanan balak, empat sekolah latihan membalak akan diadakan di Johor, Pahang, Perak dan Trengganu.”

Jikalau ingatan saya tidak salah, dalam mesyuarat Majlis Kehutanan Negara beberapa bulan yang lalu dalam tahun ini, saya telah memohon dipertimbangkan dan kalau saya tidak salah ingat, telah diper-setujukan di situ supaya sebuah sekolah tersebut diadakan di Negeri Sarawak juga. Saya tidak nampak memasukan projek itu di dalam Kajian Semula ini. Saya berharap kalau tidak dapat dimasukkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua ini, Kerajaan Pusat akan mengambil tindakan dalam masaalah ini untuk mengadakan kemudahan yang demikian dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga.

Perhutanan

Berhubung dengan masaalah Kemajuan Perhutanan, Tuan Yang di-Pertua, Sarawak mempunyai kawasan hutan yang begitu besar, dan sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pihak F.A.O. terutama sekali dan Kerajaan Pusat yang telah menjalankan inventory survey dan survey ini telahpun selesai, dan daripada hasil survey ini membolehkan Kerajaan Negeri Sarawak menerusi State Timber Industry Development Corporation membuat rancangan kilang-kilang kayu balak mengikut intergrated approach. Sekarang Kerajaan Negeri Sarawak menerusi State Timber Industry Development Corporation sedang mengadakan perbincangan dengan beberapa orang entrepreneurs yang ingin hendak melaburkan modal mereka di Negeri Sarawak. Jikalau di zaman Sarawak diperintah oleh parti SNAP yang mengetuainya, hutan telah diberi dengan begitu sahaja dengan tidak mempunyai planning sama sekali, Kerajaan Campuran Negeri Sarawak selama tiga tahun telah tidak membenarkan sebatang kayu pun dilesenkan mana-mana gulungan, kecuali telah selesai pengkajian oleh F.A.O. dibuatkan dan juga pakar-pakar yang berkenaan telah mengkajikan satu projek itu. Negeri Sarawak bertuah kerana F.A.O. telah meminjamkan seorang pakar yang berpengalaman yang

banyak untuk memberi nasihat kepada State Timber Industry Development Corporation membuat pengkajian tiap-tiap cadangan hendak membuat projek perusahaan kayu-kayuan di Negeri Sarawak.

Mengikut tafsiran F.A.O. yang tersebut tadi Sarawak dapat mengadakan dalam kawasan lebih kurang empat juta ekar tidak kurang daripada 8 Jengka-type timber project di Negeri Sarawak. Kita berharap apa yang kita jalankan di Negeri Sarawak sekarang ini dapat menjadi contoh bukan sahaja bagi negeri-negeri dalam Malaysia kita, tetapi juga bagi negeri-negeri di dalam Asia ini. Kerana kitalah yang pertama sekali menjalankan usaha yang seperti ini yang tidak pernah dijalankan di mana-mana negeri yang lain dahulu. F.A.O. begitu sukacitanya kepada usaha-usaha Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak sehingga dalam laporannya disebutkan tidak pernah dia melihat sebuah Kerajaan yang begitu berhati-hati menjaga hasil bumi mereka seperti Kerajaan Pusat dan Kerajaan Campuran di Negeri Sarawak mengenai hutan di negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam paragraph 397 tersebut bahawa Bank Pertanian akan membuka beberapa cawangan yang besar dan kecil termasuklah satu cawangan bagi tiap-tiap satu negeri di Sabah dan Sarawak. Ini juga rancangan yang baharu.

Jalanraya

Mengenai jalanraya, dalam paragraf 540 dan 544 dijelaskan rancangan besar yang akan diadakan di Negeri Sarawak membantu kemajuan di negeri itu.

Begitu juga mengenai pelabuhan dalam paragraph 548 yang berbunyi :

“Di Sarawak, pembinaan pelabuhan-pelabuhan Kuching dan Sibu akan diteruskan dalam masa Rancangan. Rancangan membesarkan pelabuhan-pelabuhan Kuching dan Sibu dijangka dapat memenuhi keperluan lalu lintas sehingga tahun 1980.”

Saya ingin menyentuh sedikit tentang hal pelabuhan di Kuching. Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri ketika melawat Negeri Sarawak beberapa bulan dahulu menerangkan bahawa projek ini tidak memandang kepada keperluan jangka panjang,

kerana apabila pelabuhan di Pending siap, pelabuhan ini hanya dapat dipakai untuk masa lima, enam tahun sahaja. Sekarang pun kita terpaksa mencari tempat yang lain supaya dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga untuk membuat sebuah pelabuhan di Kuching, pelabuhan yang lebih besar lagi. Saya berharap di masa yang akan datang rancangan seperti pelabuhan, lapangan terbang dan lain-lain hendaklah dikira dari segi jangka panjang bukan hanya daripada segi jangka pendek sahaja. Menghitung keperluan segi jangka pendek sahaja sangat-sangat merugikan negara kita ini. Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh bersukacita mengetahui bahawa satu kajian kemungkinan telah dijalankan bagi pembinaan sebuah pelabuhan baharu di Tanjung Kedorong untuk memenuhi keperluan wilayah itu iaitu wilayah Miri-Bintulu. Kerajaan Pusat juga telah bermurah hati memberi peruntukan untuk membuat satu jeti di Tanjung Kedorong bagi keperluan jangka pendek kerana kawasan tersebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu berita yang sungguh mengembirakan Negeri Sarawak terkandung dalam paragraph 555 yang berbunyi:

“Satu hubungan satelait terus-menerus di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak, akan diadakan untuk membolehkan rancangan-rancangan talivisyen Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak disiarkan serentak.”

Syukurlah atas tindakan yang demikian dan saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah yang special, terima kasih yang special kepada Menteri yang berkenaan di dalam masaalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelajaran sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, Kerajaan Negeri Sarawak telah mula menghapuskan Peperiksaan Darjah Enam Rendah yang akan masuk ke Tingkatan Satu dan telah mula mengambil langkah untuk mengambil alih sekolah-sekolah rendah yang dahulunya ditadbirkan oleh kuasa tempatan. Perbelanjaan tambahan untuk ini semuanya datang dari Kerajaan Pusat bukan dari Kerajaan Negeri Sarawak. Atas timbang rasa, kerjasama dan sokongan yang penuh memberi peruntukan yang begitu banyak demi kepentingan pelajaran negeri Sarawak, rakyat Sarawak sangat-sangat bergembira dan berhutang budi kepada Kementerian Pelajaran.

Kerja-kerja di Pejabat

Selalu kita dengar di negeri kita ini, termasuk kita sendiri mungkin berkata, bahawa anak-anak kita yang baharu ini sangat cenderung hanya kepada “white collar” jobs, kerja di office sebagai kerani dan lain-lain. Kita marah kepada mereka, kita salahkan mereka. Tetapi sudahkah kita sendiri berfikir, mengkaji kenapa beribu-ribu anak kita ini lebih suka bekerja sebagai kerani, sebagai office boy, typist dan lain-lain, daripada bekerja sebagai peladang, kaum tani ataupun buruh yang lain yang boleh memberi pendapatan yang lebih banyak daripada kerani ataupun “white collar” jobs yang lain. Saya rasa tidak adil bagi kita hanya tahu mengkritik anak muda kita sekarang, mengatakan mereka ini tidak mahu bekerja sebagai buruh, hanya tahu hendak jadi kerani sahaja. Jikalau kita tidak mengkaji sebab-sebabnya, mungkin sebab mereka ini suka kepada “white collar” jobs kerana pendidikan di bangku sekolah mereka itu menyebabkan otak mereka demikian, cenderung kepada “white collar” jobs, mereka suka nampak tie, nampak baju batik cantik, mereka suka hendak menonggang motorsikal yang cantik, bawa motokar yang cantik, iaitu nilai masyarakat belum kita sampaikan, tanamkan penuh-penuh kepada anak kita itu. Apa dia value di kalangan masyarakat kita ini (the value flavour). Sudahkah kita tanam ini di kalangan anak-anak kita? Saya rasa perlu, masanya telah sampai bagi kita mengkaji the content of our education. Tidak mencukupi bagi kita mengadakan expansion sahaja. Membesar apa yang ada, sekarang sedikit tambah jadi besar, lusa tambah jadi besar lagi. Satu universiti tidak cukup, buat empat universiti, empat tidak cukup buat lima universiti, semuanya ditumpukan di Kuala Lumpur sahaja, tidak mencukupi. Kita harus mengkaji dari semasa ke semasa. Isi, inti pendidikan yang kita beri kepada anak kita itu.

Apa yang saya rasai di Negeri Sarawak pada masa ini, seorang anak muda kita itu merasa sungguhpun dia duduk di bangku kolej atau universiti, dia masih merasa seolah-olah seperti kanak-kanak sekolah lagi. Dia dikehendaki membaca banyak text book. Dia dikehendaki lulus beberapa ujian ataupun peperiksaan. Dia dikehendaki hadir di compulsory lectures dan yang kurang mungkin diberi kepada mereka itu ialah

semangat berdikari. Ini kurang sekali ditekan. Akhirnya mereka ini telah diberi pelajaran yang begitu banyak. Satu buku, dua buku, dua belas buku, berpuluh-puluh buku dimasukan ke dalam otak anak-anak kita ini, dalam hari mereka, menjadi mereka sebagai seekor ikan yang perutnya telah dibelah dan dibersihkan dan dimasukkan dengan bahan yang lain, dipamirkan dalam cermin misalnya. Kemudian orang melihat ikan itu cantik. Orang mungkin mempunyai berbagai-bagai pendapat tentang ikan ini. Apakah yang dalam perutnya yang baru. Barang apakah? Kelapakah ataupun ubikah ataupun apakah yang lain. Tetapi apa yang jelas bahawa ikan ini tidak dapat bernang. Begitulah keadaan yang dihadapi beberapa orang anak-anak muda kita sekarang. Mereka diisi dengan begitu banyak matapelajaran. Bila mereka keluar, ibubapa mereka dengan senang-senang hati, anak saya pandai, School Certificate, Senior Cambridge, Higher School Certificate. Tetapi bila hendak diletakkan di satu tempat, kerja dalam kilang, kerja sebagai tani, jelas tidak sesuai. Maka saya berharap sesungguhnya supaya dari semasa ke semasa di seluruh Malaysia ini, bukan hanya di Semenanjung, di Sarawak di Sabah diadakan pengkajian tentang masalah ini, iaitu adakah content of education today sesuai dengan keadaan di negeri kita ataupun tidak. Dalam pelan ini menyatakan bahawa kita akan menyusun sistem pelajaran supaya sesuai dan mengikut kehendak negara dari segi tenaga manusia. Ini baik. Sebagaimana kita sekalian ketahui sistem pelajaran ini tidak dapat direka dalam angkasa sahaja (in a vacuum). Ianya berkaitan dengan kehidupan manusia, kehidupan masyarakat setiap hari. Dengan sebab demikian hanya mesti dicucukkan, mesti disesuaikan dengan kehendak-kehendak di dalam negeri itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi harapan rakyat sekali semuga sistem pelajaran sekolah-sekolah kita tidak menjadi sebagai satu kilang, satu misin yang akan hanya mengeluarkan scientists, engineers seperti rakan saya dari Larut di sana; technicians, architects seperti rakan sebelah sana; ataupun doctors ataupun lawyers ataupun apa sahaja, tetapi sistem pelajaran kita itu hendaklah merupakan satu instrument bagi pendidikan masa (mass education) bagi anak-anak muda kita supaya mereka ini

akan dapat, bukan sahaja formal training—latihan mengetahui algebra, mengetahui geometry mengetahui geography dan lain-lain, tetapi juga akan mendapat social, moral political ideas as well. Ini yang perlu ditambah lebih kuat lagi di dalam pendidikan anak-anak kita sekarang.

Saya mempunyai lapan anak perempuan. Seorang sahaja yang kecil belum bersekolah, kerana baharu berumur dua tahun. Factory saya specialise mengeluarkan perempuan, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Saya lihat mereka, bila hampir peperiksaan, pukul satu dua malam baru tidur. Bila saya suruh tidur awal, "Pak, saya mahu periksa sekarang, satu bulan lagi periksa," Jawabnya. Setiap hari begitu sehingga tidak dapat mempunyai masa untuk menerima sedikit tunjuk-ajar dan pendidikan daripada orang tua. Ada yang collapse. Ada yang terpaksa makan pill supaya tak tidur, supaya dapat belajar banyak tetapi akhirnya pergi ke hospital. Jadi itulah sebab saya katakan tadi our education must function according to the needs of our Malaysian Society. Society kita ini ialah democratic Malaysian Society, a society which needs trained citizens who will be able as well as willing to continue with the jobs of social transformation bukan hanya mahu bekerja sahaja, buat draw sebagai akitek, tetapi ada satu mission lagi yang harus jenerasi muda kita ini pikulkan ialah social transformation di kalangan Masyarakat kita. Apa yang dirancangan di dalam Rancangan Malaysia Kedua ini daripada pertama hingga kedua dahulu ialah supaya kita di suatu masa akan sampai kepada egalitarian society, a just society. Ini yang dikehendakki. Tetapi jikalau kita terus berjalan seperti sekarang ini sahaja dalam sistem pendidikan kita, saya rasa jurang di antara kumpulan yang berada dengan kumpulan tidak berada akan semakin bertambah besar dan kita akan terus memarahkan anak-anak kita kerana mereka lebih suka kepada white collar jobs tetapi apa sebab mereka suka kepada white collar jobs. Itulah masalah yang harus dipecah dan harus dijawab oleh kita sekalian.

Dalam rancangan ini juga menyebutkan tentang hal kepentingan sistem pelajaran. Saya membaca satu article dalam publication F.A.O., satu recommendation kepada Kerajaan Ceylon sampai sekarang telah tidak dilaksanakan mengenai sistem pelajaran yang berkata "we should marry the world of learning with the world of work".

Diadakan banyak universiti, kolej, politeknik dan lain-lain. Ini kalau kita lihat hanya untuk beberapa persen 20%, 30%, tetapi apa yang jadi kepada 70%, 60%, katalah 50% yang tidak dapat sampai ke atas itu apa akan jadi kepada mereka. Inilah masyarakat yang boleh menimbulkan huru-hara dalam negeri jikalau pendidikan yang salah diberikan kepada mereka. Inilah perhatian yang harus diberi kepada mereka. Golongan inilah, golongan yang tidak dapat naik ke universiti, ke kolej dan lain-lain. Tidak dapat menerima pendidikan yang lebih sempurna lagi. Mereka inilah akan kembali ke kampung. Mereka inilah yang akan dapat menyebarkan perasaan sabersif kerana mereka tidak merasa puas di dalam masyarakat. Di sinilah perhatian yang lebih harus diberi oleh kita sekalian.

Guru-guru dalam Bahasa Malaysia

Saya juga gembira melihat dalam rancangan ini, di paragraph 585 ada mengatakan iaitu seramai 4,540 orang guru-guru lagi akan diberi latihan intensif dalam Bahasa Malaysia dalam tahun-tahun 1974-1975. Saya harap bilangan ini termasuk guru-guru yang akan membantu di Sarawak dan Sabah. Sarawak sudah mula menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi yang tunggal mengikut Semenanjung. Saya berasa malu sedikit kerana Sarawak belum sampai ke peringkat itu. Bagaimanapun rakyat Sarawak sekarang berazam supaya mereka juga tidak akan tinggal ke belakang dalam perkara ini. Malangnya, walaupun kegiatan begitu hebat untuk belajar Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah malam oleh guru-guru, oleh pegawai-pegawai Kerajaan namun guru-gurunya tidak cukup. Saya rasa Kementerian Pelajaran harus mengadakan crash programme sebagai membantu negeri Sarawak supaya Sarawak semakin sehari tidak terlalu tinggal di dalam progresnya. Akhbar-akhbar negeri Sarawak telah pula menyuarakan supaya Sarawak menggunakan sistem pelajaran kebangsaan seperti di Semenanjung Malaysia. Kerajaan Negeri Sarawak bersedia. Sekarang Alhamdulillah Kementerian Pelajaran dan Kerajaan Negeri Sarawak telahpun mengadakan satu Jawatankuasa untuk mempercepatkan proses penggunaan sistem pelajaran kebangsaan di negeri Sarawak itu.

Di samping itu, saya sungguh berharap semua latihan guru-guru ini adalah dengan

tujuan bukan hanya mempunyai guru-guru yang boleh mengajar mata pelajaran, tetapi yang penting di samping itu kita harus mempunyai guru-guru yang boleh mendidik-anak kita di bangku sekolah. Dua tujuan ini tidak dapat dipisah sama sekali. Tidak berguna kepada masyarakat jika kita hanya mempunyai guru-guru "teachers of subjects; not teachers of children".

Beberapa rancangan-rancangan—saya rasa iri hati juga sedikit tengok di sini—politeknik hendak diadakan di Pantai Timur dan beberapa lagi hendak diadakan di Semenanjung Malaysia. Iri hati itu memang perasaan semula jadi, tetapi bagaimanapun belum ada rancangan untuk negeri Sarawak dan negeri Sabah di tingkat ini, saya rasa bagi tingkat ini sudah banyak yang dipikul oleh Kerajaan Negeri yang diserahkan oleh Kerajaan Pusat, mungkin kalau terlalu banyak diberi, kita tidak mampu untuk melaksanakannya. Maka permohonan daripada Negeri Sarawak dalam Kajian Semula ini hampir semuanya diluluskan oleh Kerajaan Pusat, dan saya ingin sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih daripada Kerajaan Negeri dan daripada rakyat Sarawak.

Pembahagian Tanah

Ahli Yang Berhormat daripada Limbang dalam soal jawab tadi telah menyentuh masalah pembahagian tanah di dalam negeri Sarawak. Malangnya, Ahli Yang Berhormat itu baru sahaja masuk dalam arena politik, baik dalam SNAP, baru jadi Ahli Dewan Rakyat. Dasar Kerajaan daripada dahulu sampai sekarang, dasarnya betul. Tanah janganlah diberi dengan sewenang-wenangnya. Jikalau kita beri tanah, bila orang datang beri, bila orang datang beri, tidak adalah tanah untuk rancangan pembangunan lagi. Kita lihat rancangan yang dibuat semasa SNAP mengetuai Kerajaan Negeri Sarawak, di Landar Scheme, Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku Kerajaan Pusat belanja banyak untuk tanam getah tetapi yang punyai di situ absentee landlord. Mereka punya kedai tetapi mempunyai juga rancangan yang patut dibuat untuk orang miskin, tetapi yang mempunyai tanah itu mempunyai title, kerana enthusiasm di waktu itu dialah yang mempunyai kedai basikal, yang mempunyai rumah di tempat yang lain. Kita tidak dapat mengambil tindakan apa-apa kerana mereka mempunyai title yang

diberi ketika SNAP mengetuai pemerintahan di Negeri Sarawak.

Saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat daripada Limbang kepada paragraph 360 di dalam mesyuarat ini, muka 151 yang berbunyi: "Di Sarawak pula, luas kawasan bertambah dua belas kali lebih banyak, iaitu dari 1,500 dalam tahun 1970 kepada 18,500 ekar dalam tahun 1973". Ini belum mencukupi. Apa sebab di masa zaman SNAP memerintah tidak dibuatkan State Land Board untuk bertanggungjawab bagi membantu rakyat, membuka kawasan tanah supaya mereka ini dapat kehidupan yang baru—tidak. Cukup S.D.F.C. kerana pegawai British kata cukup ini. Buat 500 ekar, 1,000 ekar. Apabila Kerajaan Campuran Negeri Sarawak mulai berkhidmat di negeri Sarawak, kita membuat State Land Development Board yang baru mengambil alih dalam tempoh dua tahun, dan inilah badan yang sekarang sedang giat menjalankan rancangan pembangunan tanah dengan begitu cepat. Lebih daripada target dalam Malaysia Plan Kedua telahpun dibuat oleh State Land Development Board. Sekali lagi saya ingin menerangkan dalam semua negeri dalam Malaysia sekarang ini adalah menjadi dasar Kerajaan bagi tiap-tiap Negeri mesti tanah itu dibahagi mengikut rancangan pembangunan di dalam negeri dan tidak diberi dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bertujuan hendak menjadikan Dewan Rakyat ini sebagai forum untuk bersoal-jawab, bertikam lidah dengan pihak Pembangkang SNAP daripada Sarawak, tetapi oleh kerana pemimpin SNAP khususnya daripada Miri-Subis telah menimbulkan masalah Negeri dalam Dewan ini. Izinkan saya memberikan jawapan dalam perkara ini.

Selalu saya dikatakan oleh rakan-rakan saya. "Apabila Datuk balik ke Sarawak Datuk jawablah". Katakan saya dari Larut Utara: "Datuk jawablah di Sarawak". Itu betul, Tuan Yang di-Pertua, jadi bukan maksud saya dalam perkara ini untuk menimbulkan hal dalam Negeri Sarawak di dalam Dewan Rakyat ini. Ini membuang masa Dewan Rakyat.

Salah satu daripada masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis: "Beberapa orang Penghulu-penghulu yang menjadi ahli SNAP di Sarawak telah dibuang oleh Kerajaan

Campuran Negeri Sarawak—dismissed, kata dalam *Straits Times* hari ini. Itu tidak betul. Dalam beliau juga berkata bahawa tidak ada demokrasi kerana orang ini tidak dipilih oleh rakyat, dilantik oleh Kerajaan. Saya ingin menerangkan iaitu dalam tahun 1972 saya sendiri telah mengadakan mesyuarat dengan semua Ketua-ketua Masyarakat di Negeri Sarawak: Penghulu, Ketua Kampung, Temenggong, Pemanca dan lain-lainnya mengenai sistem perlantikan Penghulu-penghulu di Negeri Sarawak.

Di zaman kita hendak mencapai kemerdekaan berbagai-bagai sistem diadakan, pilihan, buang undi dan lain-lain. Ini berlaku sampai kepada tahun 1973 ini. Tetapi yang timbul daripada itu, jikalau saya seorang ahli Parti Pesaka-Bumiputra pergi kepada seorang Penghulu SNAP, maka Penghulu SNAP, saya rasa tidak akan dapat memberi keadilan kepada saya. Begitu juga kalau orang SNAP pergi kepada Penghulu ahli Pesaka-Bumiputra dia juga akan merasa bahawa orang daripada Pesaka-Bumiputra seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis itu tidak akan menjalankan keadilan. Menimbulkan pecah-belah di dalam kampung di negeri Sarawak sehingga rakyat tidak tahu ke mana mereka hendak pergi. Siapa Penghulu mereka, kerana Penghulu itu menyebelahi satu golongan sedangkan Penghulu harus menjadi Ketua Masyarakat menjaga ketenteraman dalam kampung, membantu orang kampung ataupun lain-lain. Maka diadakan mesyuarat dengan semua Penghulu dengan semua Pengarah, dengan semua Temenggong—semua, tidak satu orang pun yang berkata, termasuk beberapa orang Penghulu Parti SNAP, semua mereka ini berpendapat masanya sudah sampai bahawa Penghulu-penghulu dan Ketua Masyarakat yang lain harus dilantik oleh Kerajaan dan Kerajaan harus memberi gaji yang lebih tinggi. Inilah yang saya laksanakan di Sarawak pada masa ini mulai daripada bulan April 1973.

Memang betul beberapa orang Penghulu daripada SNAP tidak disambung perkhidmatan mereka kerana berbagai-bagai sebab. Salah satu daripada sebabnya ialah keselamatan yang tidak perlu saya sebutkan lagi di sini. Telah saya jawabkan dalam tahun 1972 di Council Negeri Sarawak dalam masalah ini, tetapi bukan ahli SNAP sahaja bahkan ahli Pesaka-Bumiputra pun yang kita nampak pergi minum di kedai kopi

dari pagi pukul 8.00 sampai pukul 10.00 malam juga tidak kita sambungkan perkhidmatannya.

Seorang ahli Pesaka-Bumiputra di Sibul terlalu tua bagaimana hendak disambung perkhidmatannya. Mata pun susah hendak tengok, bila orang datang ke rumah dia kata, "Siapa itu saya hendak tahu". Bagaimana hendak disambung perkhidmatannya? Pada keseluruhannya kita menjalankan keadilan. Dalam Bahagian Kedua, hampir keseluruhan Penghulu dari Parti SNAP—Ahli dari Saratok boleh membuktikannya disambung semula. Kita memberitahu kepada mereka bahawa perkhidmatan mereka bergantung kepada kesanggupan mereka tidak mengambil peranan cergas dalam politik, kerana ini yang dikehendaki oleh mereka sendiri. Ini yang dikehendaki oleh mereka sendiri, kita hanya melaksanakan maksud mereka itu. Kita tidak melakukan keadilan seperti Parti SNAP. Parti SNAP specialised in creating and exaggerating problems, fact twisting and self white washing. Ketua mereka terutama sekali just to flex his muscle everywhere.

Dalam Dewan ini juga Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis suka menggambarkan bahawa sungguhpun kita melaong-laongkan Rukunegara, dasarnya tidak diamalkan oleh pemimpin-pemimpin daripada pemerintah, baik dari Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri. Ingin di sini saya menerangkan bahawa inilah dasar anti-Rukunegara, anti-demokrasi yang telah dijalankan oleh pemimpin SNAP ketika mereka memerintah di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Serian yang masih lagi memanggil dirinya Pengarah Rahun—minta maaf saya terpaksa menyebut namanya. Sebenarnya title Pengarah itu di zaman dahulu ialah yang diberi oleh Kerajaan kepada satu appointment tinggi sedikit daripada Penghulu. Dia diberhentikan daripada jawatannya, tetapi dia telah dilantik atas political appointment pada 6-9-1965. Ahli Yang Berhormat pada ketika itu menjadi Timbalan Ketua Menteri di Sarawak telah menulis satu minit kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pada masa itu

Yang Berhormat Datuk Stephen Kalong Ningkan. Minit ini berbunyi:

"We spoke. S.F.I.

Initialled.

Datuk James Wong."

Jawapan minit.

"D.C.M.

N.S.S."

"I must make it very clear that Orang Kaya Pemancha Dukau will never be promoted because he belongs to an Opposition party. The question of promoting a Penghulu or Orang Kaya Pemancha to Pengarah or Temenggong is the Chief Minister's responsibility. I purposely bypassed Dukau because he is not our man. It must be understood that my Government is a political government. My instruction (is that) Orang Kaya Pemancha Dukau (is) to be told to retire from service. He is quite old and no longer active as an Orang Kaya Pemancha. Please act accordingly. NO APPEAL TO BE ACCEPTED.

(Sd.) Stephen Kalong Ningkan"

Tuan Ng Hoe Hun (Larut Selatan): On a point of order, Mr Speaker, Sir.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: What Standing Order?

Tuan Ng Hoe Hun: No Member of Parliament must bring politics into this House. This has got nothing to do with the Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: The Honourable Member is replying to certain allegations which were made by the Honourable Member for Miri-Subis yesterday.

Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Larut Selatan has already been briefed by the Honourable Members from SNAP. (Ketawa) The others have no objection to this.

Tuan Yang di-Pertua, sebetulnya minit tersebut menunjukkan bahawa orang yang dimissed, Dukau, tidak bersalah sama sekali. Hanya Ketua Menteri berkata, kerana Dukau

masuk Parti Macinda bukan Parti SNAP dia mesti dibuang. Ini dia gambaran sebetulnya pentadbiran di bawah pimpinan SNAP. Kita tidak berbuat demikian. Ada orang SNAP dinaikkan pangkat, ada orang SNAP disambung menjadi Penghulu. Ada orang Parti Pesaka-Bumiputra diberhentikan, kerana tua, kerana mabuk, kerana tidak menjalankan kerja, memang ada. Yang kita mahu ialah Penghulu yang cekap yang boleh menjaga rakyat di dalam kampung mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap ini kali yang akhir bagi kita mendengar "lawalawa" kata orang Sarawak dari pemimpin-pemimpin SNAP yang suka menggambarkan bahawa kita di dalam pihak pemerintah tidak mengamalkan dasar-dasar Rukunegara di negara kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Dua minit. Akhirnya sungguhpun pada keseluruhannya saya katakan 99.9% apa yang dituliskan dalam Kajian Semula ini sangat-sangat memuaskan hati saya namun demikian inginlah saya merayu apabila merancang Rancangan Malaysia Ketiga nanti, yang menulis buku yang seperti ini akan hilanglah jadual-jadual yang hanya ditumpukan kepada Semenanjung Malaysia sahaja. Misalnya Jadual 1-4—Hakmilik Harta-benda dalam Sektor Pertanian Moden dan Perusahaan Semenanjung Malaysia, 1970 dan beberapa jadual-jadual lagi.

Saya faham, oleh kerana pengajian yang rapi belum lagi sempat dapat diadakan di Negeri Sarawak dan Sabah dalam beberapa masaalah yang berkenaan itu, bagaimanapun sekarang kita telah merdeka dalam Malaysia selama 10 tahun dan ada dua tahun lagi untuk merancang Rancangan Malaysia Ketiga. Saya berharap dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga kita akan nampak statistik-statistik bukan hanya mengenai Semenanjung Malaysia sahaja bahkan Sarawak dan Sabah juga.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya harap mendapat kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, tolong memendekkan teguran-teguran atau ucapan katalah tidak lebih daripada 15 minit, sebab dalam 15 minit itu banyak yang boleh dikatakan, atau yang boleh ditegur, kerana tempohnya sudah tidak berapa lama lagi dan ramai lagi

saya faham Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat tolonglah bertimbangrasa kepada rakan-rakan yang lain yang hendak berbahasa memendekkan sedikit tegoran-tegoran ataupun ucapan-ucapan.

4.53 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun (Sitiawan): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya memohon izin supaya dapat bercakap dalam bahasa Inggeris juga di mana-mana yang sesuai.

(Dengan izin) Sir, to take part in a debate at this late stage of the proceedings is to really run the risk of having to repeat what has been said before me. Many matters have already been covered and it is left to me to say one or two things in addition.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong motion yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Di samping itu, saya dengan segala hormatnya akan menyentuh sedikit-sebanyak atas beberapa aspek-aspek perkara ini seperti yang dirangkakan dalam Kajian Semula ini.

Yang pertama, hak milik kekayaan orang-orang asing adalah sebagaimana yang dicerminkan di dalam Kajian Semula ini, iaitu pada peringkat perkembangan negara kita pada masa sekarang kekayaan negara kita sebenarnya masih dipunyai oleh orang-orang asing. Misalnya mengikut Bab IV, Jadual 4-7—Hakmilik Modal Saham Syarikat-syarikat Berhad, 1970, bagi orang-orang asing ialah 60.7% sedangkan jumlah yang dimiliki oleh orang-orang Malaysia hanya 39.3% sahaja. Keadaan ini sesungguhnya adalah tidak seimbang dan saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan kerana kemahuannya supaya akhirnya orang-orang Malaysia kita akan mempunyai 70% daripada kekayaan negara kita apabila Dasar Ekonomi Baharu yang telah dicatitkan dalam, Rangka Jangka Panjang 1970 hingga 1990 dilaksanakan. Akan tetapi adalah mustahak tindakan-tindakan berkesan perlu diambil supaya kekayaan negara kita tidak terus dimakan atau dierode oleh orang-orang asing.

Pada masa sekarang dasar menanam modal asing adalah sangat murah hati serta bebas. Matlamatnya tidak lain daripada menarik modal dan perindustrian antara

bangsa serta peluang pekerjaan untuk rakyat kita. Pada hakikatnya, dasar ini telahpun mendatangkan hasil yang cemerlang seperti yang dibuktikan dengan perkembangan pesat perindustrian manufacturing yang telah menjadi sektor ekonomi kita yang paling cepat berkembang kadarnya. Akan tetapi saya rasa Kerajaan harus mengkaji semula sentiasa dasar ini supaya pada jangka panjang rakyat kita dapat mencapai faedah-faedah selain daripada diberi peluang pekerjaan.

Di negeri-negeri lain tanaman modal asing hanya diterima untuk perindustrian terpilih sahaja dan berasaskan kepada joint venture dengan bekalan memiliki saham oleh orang-orang tempatan. Ini adalah satu cara yang boleh menjamin keuntungan tidak sama sekali dialirkan keluar daripada negara kita. Ini adalah juga satu cara baik yang boleh menggalakkan orang-orang kita yang mungkin mempunyai modal tetapi ketiadaan pengetahuan teknikal itu menanam modal untuk memulakan perniagaan mereka. Di negara kita memang ada banyak syarikat-syarikat asing yang telah duduk tetap sejak lama lagi. Mereka telahpun menekmati banyak keuntungan, tetapi masih belum buka pintu mereka supaya orang-orang tempatan dapat memiliki saham mereka. Adalah dianggap sesuai sekiranya Kerajaan dapat memainkan peranannya memujuk atau menggalakkan syarikat-syarikat itu mengubah polisi tertutup pintunya agar orang-orang tempatan dapat mengambil bahagian dalam perniagaan mereka.

Saya percaya bahawa Kerajaan dan rakyat kita juga akan sangat-sangat berkenan terhadap perbuatan bermurah hati itu dan akan menyambutnya dengan sokongan lebih kuat lagi terhadap pembuatan-pembuatan atau product mereka itu. Dengan inilah orang kita pun dapat menekmati hasil kemajuan dan kemakmuran sosial ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penanaman modal tempatan Kerajaan harus tidak lupa akan kepentingan peniaga-peniaga kita pula. Segala galakan harus diberi kepada penanam modal tempatan yang membolehkan mereka menetapkan perniagaan-perniagaan mereka. Kerana kepentingan kemajuan negara kita red tape pasti dikurangkan. Lesen-lesen, pinjaman-pinjaman dan kemudahan-kemudahan harus diberikan kepada peniaga-peniaga itu dengan tidak kira kaum. Hanya dengan pertolongan

ini baharulah kita berani harap cita-cita penyusunan semula hakmilik yang dicadangkan dalam Kajian Semula ini akan tercapai. Hanya dengan usaha-usaha yang gagah hati baharulah dapat dipastikan satu hawa yang boleh membela kemakmuran nasional kita. Baharulah kekayaan nasional kita dapat disalurkan kepada orang-orang biasa kita supaya setiap orang kita tidak kira keturunan akan menekmati satu taraf hidup yang menasabah. Baharulah kita dapat bangga bersama-sama atas kejayaan Rancangan Malaysia Yang Kedua dan baharulah kita mara bersama-sama kepada perpaduan nasional masyarakat berbilang bangsa kita.

Sir, secondly, Malaysian culture and youth activities. It has been said that the New Economic Policy embodied in the Second Malaysia Plan is the blueprint for achieving national unity in our nation. This is all very well, Mr Speaker, Sir, but I feel that to achieve true national unity, to pursue the socio-economic aspects of the nation's life is not enough. The cultural aspect of the nation should also be integrated so that in its totality the overall national objective could be achieved.

Our Honourable Prime Minister has once said that a Malaysian culture should be given time to evolve so that a national culture could emerge which will be acceptable to Malaysians of all ethnic origins in this country. The late Tun Dr Ismail had also fervently said that Malaysia is a multi-racial, multi-cultural, multi-religious country. In essence, therefore, Malaysian culture should be created with a multi-racial blend of all that is attractive and good from the diverse customs now existing side by side as it will be acceptable to the various communities in this country. Unless and until the attitudes of the various communities are willing to be more accommodating and contribute towards the creation of this culture, the blueprint for National Unity cannot enduringly ensure a united, harmonious Malaysian nation.

Sir, to pursue this point further, I am disturbed, as large sections of the Chinese are, by a recent statement by the Assistant Director of Research at the Ministry of Culture, Youth and Sports published in the *Sunday Times* of the 25th November this year in which he stated, and I quote:

“Only appropriate elements of foreign cultures can be accepted by Malaysians.

The lion dance, for example, is not a basic Malaysian culture and the people who watch it will associate it with China or Hong Kong. We cannot, therefore, accept this dance as part of our regional culture”.

This statement, Sir, from an official of the Ministry of Culture, Youth and Sports is ill-advised and unnecessarily provocative. Malaysians of Chinese origin have always regarded the lion dance as part and parcel of their cultural heritage. It is absolutely harmless if somewhat noisy. It promotes an atmosphere of gaiety, it speaks of prosperous times, of happy occasions and of friendly gatherings. It is not all drums and fire crackers. In case it is not generally known by the uninitiated non-Chinese, the lion dancer is a highly trained person, physically very fit, with a knowledge of intricate footwork which can only put him in a class of performers of dances of other kinds, be it zapin, ronggeng or ballet. In this respect, Sir, it is difficult to ignore the cultural value of the lion dance which could add so much colour to a Malaysian culture yet to be born. Sir, does it matter really if people who watch it will associate it with China? And what has Hong Kong got to do with it? A nostalgic and sentimental association in thought does no harm at all. In time even this tenuous association in thought will disappear when the Chinese Malaysians shed their sense of being unwanted, be it real or imagined.

It is statements of this kind, Sir, which will be counter-productive of national unity. It smacks of lack of consultation with the people concerned and certainly does not speak well of wise government. The lion dance, Sir, in itself, is not something on which alone national unity will rest. But it is something which will trigger off feelings of cultural deprivation among Chinese Malaysians if rejected from Malaysian cultural life as they have known it for so long as they can remember. I would appeal, Sir, to the Ministry of Culture, not to give the impression that a test-tube Malaysian culture will be imposed without proper studies in depth and without prior consultation with all the people concerned. Let us remind ourselves again at this stage of our nation's successful overall development that any unwise, ill-conceived statements from responsible quarters will detract much from the good already achieved and will retard the

hope for continued progress of our nation, for otherwise the Ministry's efforts will be held suspect of merely being lip-service to true national unity. This, Sir, would be a pity, for we on this side of the House know of the tremendous efforts that have been put into and are still being put into this paramount cause of national unity on which the future of all of us depends so much.

Sir, it is also my fervent hope that multi-racialism will be practised in reality. The Ministry of Culture, Youth and Sports has a great responsibility in forging national unity among the youths of the various races in this nation and in promoting mutual understanding of each other's sensitivities and viewpoints. The Ministry in carrying out this function must not only be fair but be seen to be fair by all Malaysian youths so as to ensure that the new Malaysian society, the foundation of which we are now building, will emerge in the years to come as a truly Malaysian nation in which each Malaysian will have a place of dignity and pride.

It is also my considered opinion, Sir, that the Ministry of Culture, Youth and Sports could make greater efforts in promoting activities of a multi-racial nature. Furthermore, the Ministry could see to it that not only the multi-racial image is projected inside our country but also overseas. It is thus important, Sir, that any cultural representations that Malaysia makes overseas should reflect the multi-racial nature of our society and not merely to present and promote the image of one component community only. The youths of today must fully understand the new Malaysian society that is to be created so that in the years to come, when they themselves assume the role of leadership of this nation, they would be more able to continue their task of building and maintaining a just society with fairness and understanding.

Sir, let us do nothing to cause whatever hopes and social economic progress that are achieved and about to be achieved in this country to be subverted by communal stresses. Let us also do nothing to prevent the realisation of the dream of a harmonious, just, fair Malaysian society as a permanent reality.

Thirdly, Sir, family planning. It is encouraging to note that much progress has been made in the area on family planning in

order to reduce the rate of our population increase. As stated in Paragraph 639 of the Mid-Term Review, progress, however, is more rapid in urban areas. As stated in paragraph 630, the objectives of the family planning programme is to consolidate and extend the family planning services to both the urban and rural areas and to improve maternal and child welfare. The long-term aim is to reduce the annual rate of population increase from the present 2.7% to 2% by 1985. It is, Sir, my considered opinion, very important that this aim be achieved. If not, whatever rate of development and national progress that we might achieve in the economic field will be surely undermined. Therefore I suggest that for the years to come, greater efforts be made to inculcate the importance of family planning, especially in the rural areas, so that whatever fruits that are accrued from our social economic development will be enjoyed by all Malaysians both in the rural and the urban areas.

Fourthly, Sir, Housing. I wish to say a few words on this. As outlined in Paragraph 654 and Paragraph 655 of the Mid-Term Review, it is seen that the Government is making tremendous efforts to launch programmes to establish public low-cost housing which is aimed directly at improving the living conditions of the urban poor, especially those living in squatter areas and to provide them with modern amenities. A National Consultative Council for Housing has been set up to coordinate and accelerate the housing development programme. This is indeed an important step to eradicate poverty among the urban have-nots and also an important step to modernise Malaysia in the future. This will also enable the urban have-nots to enjoy the fruits of our national prosperity which is so essential in the context of national unity. I congratulate the Government on its vision in this respect and hope that efforts will be redoubled from time to time to cater for our urban poor.

Lastly, Sir, allow me to say a few words regarding the very much maligned L.P.N.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, pada beberapa hari yang lalu Dewan ini telah mendengar berbagai-bagai teguran-teguran tentang kenaikan harga beras dan kekurangan beras. Mahu

tidak mahu perkara ini telah dikaitkan pada urusan L.P.N. Mahu tidak mahu L.P.N. telah dihadapi dengan berbagai-bagai tegoran-teguran. Kami dalam M.C.A. memang faham akan urusan perbadanan L.P.N. selalu tidak dapat memuaskan semua pihak yang ada. Tetapi dalam sejarah perkhidmatan raya adakah pernah melahirkan satu perbadanan pun yang boleh memuaskan semua pihak yang ada berkaitan? Jawabnya, tidak. Gulai sedap, nasi mentah, Tuan Yang di-Pertua. Maka L.P.N. boleh dikatakan telah bertanggung-jawab dalam satu urusan yang selalu tidak difaham oleh rakyat iaitu "a thankless job" dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kami sangat-sangat bersimpati dengan Tuan Pengarah L.P.N. tentang kesukarannya, kami ingin membuat sedikit cadangan untuk dipertimbangkan supaya urusan L.P.N. dapat dibuat lebih licin lagi berkesan daripada yang dibuat pada masa sekarang. Lebih kurang di antara 7 haribulan hingga 20 haribulan bulan ini juga misalnya di Alor Setar iaitu bandar yang letaknya dalam negeri yang mengeluarkan beras yakni Kedah telah ketiadaan beras langsung untuk dibahagikan kepada pemborong-pemborong ataupun retailers dan sebab itulah macam-macam khabar angin yang kurang baik untuk imej L.P.N. dan seterusnya terhadap Kerajaan pun telah timbul. Ini barangkali telah disebabkan oleh kurang licinnya ataupun kurang cekapnya sistem pembahagian (distributing system) yang sedang diamalkan oleh L.P.N. Alor Setar untuk negeri Kedah. Elok diulangi, iaitu yang ditegur di sini ialah sistemnya dan bukan pegawainya. Apabila sistemnya kurang baik maka masalah akan timbul. Misalnya hubungan kilang-kilang besar, kilang-kilang kecil, wholesalers, retailers serta L.P.N. akan putus dan terganggu. Akhirnya rakyat-pengunalah yang menjadi mangsa. Pegawai-pegawai L.P.N. akan rasa keciwa sebab rakyat dan pengguna meradang dan perasaan benci membenci dan syak wasangka akan lahir. Oleh yang demikian, adalah diharap bahawa jika dirasa perlu oleh L.P.N. satu rundingan diadakan antara L.P.N. Alor Setar dengan wakil-wakil kilang-kilang, wholesalers, retailers supaya masalah yang telah timbul pada masa dahulu dapat diselesaikan supaya jentera dan sistem distribution dapat dibaiki dengan segera agar harmoni di antara pihak swasta perniagaan beras dengan pihak L.P.N. dapat dieratkan lagi.

Di sini juga saya ingin menyentuh satu perkara lagi yang boleh dikatakan "by-product of the L.P.N. distribution system." Apakala sistem distribution telah putus semua pihak rasa keciwa termasuk pengilang-pengilang, pengguna-pengguna dan pegawai-pegawai L.P.N. Maka dalam hubungan ini, kami berasa ada baiknya jika kakitangan-kakitangan L.P.N. Alor Setar dapat dicampurkannya sedikit supaya ianya boleh mencerminkan masyarakat berbilang bangsa kita dan supaya keadaan yang ada sekarang tidak digunakan dan tidak disalahkan sebagai scapegoat apabila sahaja masalah timbul dalam urusan L.P.N. Alor Setar. Masalah yang saya sebutkan itu adalah dilaporkan kepada saya apabila saya melawat Alor Setar baru-baru ini sebagai Pengarah Perkhidmatan Raya, Ibu Pejabat M.C.A. dan saya harap Jabatan Perdana Menteri ambil perhatian. Dengan memperbaiki distribution system yang nampaknya tidak begitu cekap, mudah-mudahan ianya akan menyumbang sedikit sebanyak kepada kejayaan Rancangan Malaysia Kedua yang mana kajian semulanya sedang dibahaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sokong motion Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu dengan sepenuhnya.

5.15 ptg.

Datuk Khoo Peng Loong (Bandar Sibul): (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I support the Motion on the Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan, 1971-1975 as moved by the Honourable Prime Minister in this august House on the 26th of November, 1973. Malaysia is very fortunate that during the mid-term of the Second Malaysia Plan, our products are fetching very high prices in the world market and that our revenue has increased unexpectedly and this has enabled our Government to spend more money as stated in the Mid-Term Review on all the projects laid down in the Red Book.

Sir, the most important scheme the Government is embarking on is to correct the present racial imbalances for the Malays and other indigenous people. No one can grudge about this, Sir, and the sooner these imbalances are corrected the better it will be for all of us to live harmoniously and happily together. But I hope that those people who benefit from this scheme will always be prepared to work hard and maintain the trust put in them, because so much

money will be spent on this scheme before it could reach the goal.

Sir, looking through the Red Book on the Mid-Term Review, I find that there is no mention of anything for the Sibul Airport. There are improvements to be made on the Kuching Airport to enable the landing of Boeing 707 planes and on the Miri Airport for the landing of Boeing 737 planes. But the Sibul Airport will not be able to take in any Boeing 737 planes. Even Bintulu will have an airport to enable Boeing 737 planes to land. This is a very great disappointment to us in Sibul, Sir, and I hope the Minister will give us preference for this airport as soon as he can do so.

Sir, there is not only no mention of housing in Sibul but also no mention of it for Miri and Bintulu. Sarawak is very short of low-cost houses. Only the Kuching Municipality owns a few seven-storey and three-storey flats for renting out to the lower income group. The Sibul Urban District Council did contemplate building some low-cost houses a few years back but because of not having enough funds and because of not being allowed to get loans, the scheme was abandoned. Councillors were even sent out to West Malaysia to get the know-how. This is a very important project, Sir, and I hope the Government will give all thought and consideration to launch a low-cost housing scheme in Sibul.

Sir, after much improvement on the fisheries, the price of fish and prawn is still very high. The catch must be good with trawler fishing, but how could it be that the price of fish and prawn is still dearer? Is it that those trawler fishermen sell their fish and prawn to foreign fishing boats at the sea?

Mr Speaker, Sir, I said earlier that the Plan is too idealistic and misleading because if we look at the first objective, that is the eradication of poverty irrespective of race, it is very laudable, Sir, but, to my mind, it can never ever be achieved under the system that is followed, as poverty is relative. If some people grow rice and the poor get a little bit more, it is still relative and under capitalist system, Mr Speaker, which is industrialising as we are doing, the gap between the rich and the poor must widen. Mr Speaker, Sir, no data has been presented in the Review to contradict this. Whatever data is given show that more than 58% of the people live below the poverty line, that means they are poorer than the poor—i.e. more than 58% of the people are poorer than the poor.

Mr Speaker, Sir, the second objective, i.e. the restructuring of society, which appeared excellent and desirable when the Plan was introduced, has now proved to be dangerous and divisive for, at best, the Plan can produce a class of capitalist who, like all capitalists, must exploit somebody, usually the workers and peasants to make profits to survive. Thus the vicious circle of capitalist control will be widened and more firmly entrenched thereby leading perhaps to a peasant revolution.

Mr Speaker, Sir, secondly the highlighting of racial imbalance and giving racial imbalance as the cause or the reason for correcting it on separate lines of racial development is dishonest, as I will show, Mr Speaker, Sir, and is misleading and is highly undesirable. It is dishonest, because, as you will see in the Plan, the Chinese do not own most of the assets in this country. This is a fiction. It is the foreigners who own and control most of the economy.

Mr Speaker, Sir, if you would see Table 1-4 and Table 4-7, it shows that 75.3% of the modern agricultural sector, 72.4% of the mining sector, 59.6% of the manufacturing sector and 63.3% of the commercial sector are in the hands of foreigners. Only in the case of construction and transport their share is 24.1% and 12% respectively. These high percentages of all the sectors of our economy

are held by Europeans. Therefore, to blame the Chinese—I can show excellent examples which I need not go into now—because the Chinese share is over-focussed and to blame them for the ills of the country is misleading. It is a disservice. Mr Speaker, Sir, instead of blaming them unwittingly, we should try and show that what they have contributed to this country is very important. In fact, as I said, the Chinese should be praised for their sheer determination to get ahead in society. Their entrepreneurship, their capacity for hardwork and, above all, their ability to save and contribute to the national wealth should be emulated by the Indians as well as the Malays. Sir, even if they are Chinese they are citizens and will live and die here and not run away like the foreign capitalists who sold their assets and their estates to fragmentors and ran away immediately after Merdeka—as the Government well knows, a lot of foreign companies sold away their assets and ran away immediately after Merdeka.

On the other hand, Mr Speaker, the abject poverty of the Indians and large drop-out of Tamil pupils is recognised by the Review. In several places, this is mentioned, Mr Speaker, Sir. Yet they are left out of the mainstream of development. It is sad. This is yet another unforgivable disservice. These Indians, Sir, who live in estates, most of which are fragmented, and work in the J.K.R. and in the sanitary boards and the Railways as labourers, doing menial jobs are the poorest of the poor in this country. As the socio-economic survey which was done in 1967-68 show, they are the poorest of the poor. They live in abject poverty. They should be brought into the mainstream of development.

I note in the Review that the Government is trying to encourage the estate owners to provide these Indian labourers in the estates with land to build their homes and also land to cultivate crops to earn extra income. Mr Speaker, Sir, I wonder to what extent the Government will ever succeed with these large foreign-owned estates. Persuasive powers have failed, but above all, what is the Government doing for its own workers in the Railways and in the sanitary boards and in the P.W.D.? Are you doing the same to see that they have some extra income, to see that they have facilities

for home-ownership? This is not. Sir, may I ask if 75% of the fixed assets in agriculture, that is land, and 72.4% of the fixed assets in mining are held by foreigners, how can we blame the Chinese and Indians?

Sir, the policy of Government should be designed to reduce, if not remove, foreign domination, over our land which is the basic source of all wealth. Yet we are encouraging more foreign capital into the country and not doing anything to stop or prevent foreign capital and "hot money" being invested in land, thereby making it difficult for citizens to own land. This silent invasion must be exposed and our people must be warned against this silent conquest. What is more important, foreign capital should not be allowed to come in and manipulate the market, as they did in the share market, and now in land. This manipulative and speculative capital has ruined many a prudent investor and has brought misery to our people by raising commodity and land prices. This capitalistic scourge must be stopped.

Sir, the Government may rebutt by saying that the Government has specially reserved shares for Bumiputra ownership. Sir, even if this is true, what will be the net result? Sir even if the Bumiputras own 30% of the shares in the corporate sector, that is in thirty years' time, they will become a class of gamblers. Ownership of shares, Mr Speaker, as you know, invariably leads people to gamble and speculate in shares and many will get their fingers burnt as many realised in the last week and particularly today. So, Sir, do we want to build a nation of gamblers? Surely not. So what is more vicious and never explained to the Bumiputras is that even if 30% of the shares are held by bumiputras, the number of Bumiputras may be less than one hundred or two hundred. Sir, it is a well-known fact that shares are bought by people who have the means and as the poor have no means or the money they will never ever be able to own shares. This has been proved by statistics, even in a country like Britain where 66% of the share capital of the corporate sector is held by only 10% of the people or $\frac{1}{2}$ % of the adult population.

It is also true today in Malaysia, as the Review says, in Paragraph 5, page 2 where it says, "Despite the high and growing level

of income of per capita income in Malaysia, inequality in distribution of income among Malaysians remains wide," and further down it says, "Overall, the top one-tenth of all households accounted for nearly 40% of the total income earned in the economy." Sir, Britain is a Welfare State where moderate Socialist governments at least have intervened in favour of the workers and the poor. Can it be otherwise here? Definitely not. Therefore, we shall be creating a class of capitalists at the expense of the rakyat. If that is what you want, I say carry on, but tell the people the truth. Do not bluff them because when the Bumiputras realise the truth the Plan will misfire bringing tragic consequences in its trail.

Sir, it has been said by an eminent Burmese economist, named Professor H. Myint, of the London School of Economics that "attempts to reduce the so-called communal economic disparities may turn out to be more harmful not only for the economic development but also for improving the position of the small peasants whom they are meant to help." Sir, the writing is on the wall. The Government is not blind.

Nevertheless, I must say any plan is better than no plan, as half a loaf is better than no loaf. So the Government must ensure that the vast amount of money pumped into the economy, particularly from public funds, most of which is borrowed, is properly spent. It must ensure that the money is not spent on wasteful projects, like for example urban redevelopment. It is a criminal waste, Mr Speaker, to develop lands which are already developed, like areas in Kuala Lumpur or Georgetown. It is criminal destruction, Mr Speaker, Sir, to pull down Georgetown central area which is a highly built-up area and rebuild it with \$200 million. It is one thing to have slum clearance scheme but it is another to have grandiose redevelopment schemes in places where land is plentiful for development. We must remember that Malaysia is not a congested or overcrowded City State like Hong Kong or Singapore. So let us be prudent. Let us spend wisely by providing the essentials of life to people in the many forgotten areas like Pulau Aman—and the hundreds of other areas—whose plight was highlighted by the *Sunday Times* on 18th November, 1973. I have a cutting here which

has highlighted this little island where the people are hoping that somehow their fortunes will change, which has been by-passed by society. I also refer to the new villages, the fragmented estates and the kampungs and the hundreds of urban slums that have been by-passed by officials, by Government and by society itself.

Sir, having said about ownership of assets, let me come to the question of the more equitable distribution of wealth as envisaged in our Rukunegara and what the Plan is intended to carry out. This is the sacred task of the Government, but it is most deplorable, Sir, that there is no mention of the taxation policies to redress the economic imbalance between the "haves" and the "have-nots". Perhaps this will be revealed by the Finance Minister when he presents the Budget, but from his past performances, one can be certain—I hope I am proved not correct this time—that the tax measures may be more regressive than progressive. It has been pointed out that more indirect taxes are collected than progressive taxes. With the introduction of the sales tax, Mr Speaker, Sir, the regressive effect has become greater and, therefore, only progressive taxation and the giving of extra assistance to wage-earners and self-employed people like farmers, peasants and petty traders and the poor will there be real re-distribution of wealth. The setting up of multitudes of Government agencies like MARA, FAMA, UDA and a host of others will not help to redress the economic imbalance. As pointed out by the United Nations F.A.O. expert, Mr Garth Alexander, in his book entitled, "The Silent Invasion" and as has happened in the Philippines and other countries in South-East Asia, these agencies will soon exhaust their funds and become bankrupt, if the State does not pump in, and continues to pump in, large amounts of capital. Thus, even a rich country like ours will, Mr Speaker, Sir, never be able to stand the strain for long. Therefore positive measures should be taken to re-distribute incomes from those who have, particularly the foreigners, to those who do not have by such means as, I suggest, progressive tax measures, higher death duties, provision of free education with text books and at least one meal, provision of subsidised housing at low rentals for all persons (including those millions of attap dwellers in the kampungs),

re-distribution of land to the tillers, control of inflation by creating State agencies to produce essential consumer goods for supply to the rakyat at subsidised prices if necessary, provision of better social security schemes covering all workers (including the self-employed farmers, fishermen and petty traders), ensuring fair wages related to the capacity of the worker to support his family with the basic needs and which should increase with the increase in the cost of living, nationalisation of foreign-owned agricultural holdings and mines, and to take any other measures that would re-distribute incomes and the wealth of our nation.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Have you got much more to speak?

Tuan V. Veerappen: A short one, Sir.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: I would allow you a few more minutes. You already had 25 minutes.

Tuan V. Veerappen: Very sorry, Sir. The Mid-Term Review, Mr Speaker, Sir, offers the greatest opportunity to the Government to pause and ponder, to rethink and change their system under which it operates and the policies it has followed. It has the chance to do the greatest good to the greatest number, if not to all its citizens. If the chance is missed, it may be too late. Let us think as Malaysians and let us abolish all distinctions and statistics based on race. Malaysian society can only be divided between the rich and the poor. To divide and distinguish them by race is to perpetuate disunity and to court trouble.

Mr Speaker, Sir, one last subject, and that is the question of prices and wages. The Mid-Term Review on page 123 says:

"x x x x x x x x x x"

It is, therefore, important to ensure that wage policies are considered within the overall context of the package of measures to meet the situation of rising prices and that wage increases are primarily geared towards increases in real productivity in the economy as a whole.

x x x x x x x x x x"

Sir, this means that workers can get more only when they produce more, but what happens when profits are greater? Will they have a share in the profits? The above theory, Sir, which is followed by the Government is

a capitalist theory. This is wrong. It is a wrong theory because it has been proved by eminent economists that where production is increased, the greater part of the income goes to the capitalists and not to the workers. Mr Speaker, Sir, as the Honourable Member for Seberang Utara, my colleague in the north, will tell you—he is the Chairman of the Farmers' Association there—let us take double cropping. Please give me a few minutes more, Sir.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: No! One minute more. The Honourable Member must consider that the other Honourable Members also want to speak in this important debate.

Tuan V. Veerappen: Yes, Sir. I would not like to be inconsiderate, but you must remember that this is the Five-Year Plan Review and this is over 200 pages. Well, thank you very much, Sir.

I was just going to say that where there is double-cropping, who gets more? If the tenant farmer produces double, how much of the double does he get? Who gets it? The man who sits on the land, on the same piece of land, he gets more than the producer.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Let every Honourable Member then take heed of what you said just now and find out for themselves as to who gets more and who gets less.

Tuan V. Veerappen: Yes, Sir, I am saying that it is the land owner who gets more—and the tenant farmer gets less for his sweat—from the same piece of land! This is what is happening. This is what I am trying to say.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: You have said enough!

Tuan V. Veerappen: Thank you very much, Mr Speaker, for your indulgence.

6.48 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Umar (Kubang Pasu Barat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut bersama mengambil bahagian di dalam perbahasan usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung dengan Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua di dalam usul yang dibentangkan di Dewan ini pada beberapa hari yang lalu.

Saya juga turut memberi sokongan usul tersebut dan akan cuba memberi sedikit sebanyak pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat serta juga fikiran-fikiran semoga hasil daripada Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua itu akan dapat sampai kepada tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan rakyat jelata dan juga menyusun semula masyarakat di negara kita ini.

Saya juga turut bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyeru seluruh rakyat Malaysia terutamanya sekali bumiputra supaya datang ke hadapan mengambil peluang serta menggunakan kesempatan ini supaya cita-cita Kerajaan menjadi sekurang-kurangnya ataupun menjadikan 30% dari orang-orang Melayu terkenal dengan kaum ataupun dengan golongan yang berniaga dan perusahaan dapat dijayakan lebih awal daripada masa yang dijangkakan.

Memandangkan kepada kejayaan-kejayaan yang pesat yang telah dicapai di dalam masa yang singkat ini dapatlah kita membayangkan bahawa tidak ada sebabnya yang meragukan kita dari tercapainya hasrat kita menghapuskan kemiskinan rakyat lebih-lebih lagi kemiskinan orang-orang Melayu dan Bumiputra sebagaimana yang telah diterakan ataupun ditulis dalam review ini bahawa kaum bumiputra orang-orang Melayu di masa ini 80% daripada mereka adalah orang-orang yang berpendapatan yang kurang daripada \$100 sebulan.

Saya percaya jurang perbezaan ini, perbezaan ekonomi di antara golongan rakyat dapat dikurangkan. Dan saya percaya program yang hendak dimodenkan rakyat luar bandar dan meluaskan serta meninggikan taraf pelajaran dan pendidikan orang-orang Melayu supaya seimbang dengan warganegara yang lain dapat dilaksanakan dan telahpun mencapai kejayaan yang baik sebagaimana yang kita lihat bersama-sama di dalam kajian semula yang dibentangkan kepada kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun begitu kita sedar hasil daripada perkembangan ekonomi negara di waktu ini belum meratai kepada seluruh rakyat sebagaimana yang diharapkan, namun kita percaya bertambahnya hasil negara tentunya akan dapat

menambahkan lagi keupayaan Kerajaan di dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunannya. Kita sedar, kejayaan rancangan-rancangan adalah tertakluk kepada kesanggupan rakyat mengambil peluang dan keikhlasan pegawai-pegawai yang menjalankan tugas-tugas pelaksanaan. Oleh itu saya mengesyorkan segala pekerjaan baik di bidang swasta atau awam hendaklah dijalankan dengan penuh kesungguhan, kecekapan dan disiplin sambil benar-benar mengawasi, mengelakkan semua bentuk pilih kasih, korupsi dan kecurangan. Kalau ini tidak dapat kita laksanakan ataupun praktikkan, bentuk elok bagaimana juga rancangan-rancangan yang kita rancang itu maka rancangan itu akan tinggal dan akan sia-sia semata-mata.

Menghapuskan Kemiskinan

Selain daripada menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat kita, kita juga memperakui bahawa negara kita ini terpaksa mengatasi sesuatu soalan yang pokok. Persoalan yang akan menentukan survival serta curak masyarakat dan kebudayaan Malaysia yang akan datang. Persoalan yang saya maksudkan itu, ialah "perpaduan negara." Walaupun telah lama kita sedar hal ini telahpun kita bertindak ke arah itu dengan berbagai-bagai cara. Misalnya kita menjadi Bahasa Kebangsaan bahasa rasmi yang tunggal, melancarkan Dasar Ekonomi Baru dan memupukkan perasaan telorensi dan muhibbah antara kaum, namun hal-hal ini tidak akan dapat menghapuskan semua sekali bahaya-bahaya perkauman. Cuma ini semua setakat menumpulkan jurang-jurang perkauman semata-mata.

Perpaduan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita meneliti sejarah dunia dan perkembangan masyarakat manusia dan negaranya kita akan dapati bahawa kemewahan hidup penyatuan kesenian-kesenian rakyat dari kebudayaan-kebudayaan berbeza serta pemakaian suatu bahasa rasmi sebagai alat perhubungan tidaklah benar-benar merupakan perkara mutlak yang dapat menjamin perpaduan rakyat dan kesetabilan politik di sesebuah Kosmopolitan sebagaimana negara kita ini. Kesempatan menimbulkan krisis-krisis perkauman dan lain-lain, krisis boleh ditimbulkan bila-bila masa sahaja. Krisis perkauman

boleh timbul walaupun rakyat-rakyat di Malaysia ini semuanya kaya, semuanya bijak, semuanya pandai, semuanya tidak ada atas dan tidak ada bawah dan tidak ada kurang dan tidak ada lebih, krisis perkauman akan terjadi sekali lagi sebagaimana kejadian 13 Mei yang lalu. Oleh itu demi perpaduan rakyat yang lebih kukuh dan persefahaman, yang lebih mendalam, satu kebudayaan yang lebih tinggi taraf tamaddunya marilah kita mengisikan masyarakat Malaysia dengan kemajuan-kemajuan physical dan memeterinya dengan nilai-nilai ketuhanan dan keimanan. Dalam kata lain, hati sanubari seluruh rakyat Malaysia mestilah dipenuhi dengan satu akidah yang dapat diterima bersama dan mengikat perpaduan seluruh rakyat. Akidah ini tidak lain, ialah akidah Islam, yang kita yakin benar dan sesuai bagi masyarakat dan kebudayaan Malaysia ini. Saya percaya bahawa setiap golongan rakyat Malaysia boleh menerima akidah ini, jika ianya diolahkan dan disebarkan secara sistematik dengan bersungguh-sungguh oleh pihak yang berkuasa dan berupaya.

Langkah ini adalah sesuai dengan Islam sebagai ugama Negara dan Prinsip Rukunegara serta matlamat perkembangan masyarakat dan kebudayaan yang kita tuju ialah masyarakat yang seimbang yang dinamis, yang berakhlak, yang bersopan-santun dan bertuhan. Jikalau ini dapat kita jadikan, di dalam negara kita ini insya Allah tidak ada satu pun yang dapat menghalang kita daripada membasmi kemiskinan rakyat dan daripada menjadikan satu bangsa dan satu negara yang aman, yang tidak ada perpecahan di antara kita sama kita.

Harga Beras

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya ini mewakili rakyat-rakyat yang menjadikan kita ini hidup ialah rakyat yang menanam padi, mengeluarkan beras menyarakan seluruh rakyat Malaysia ini, maka saya ingin mengesyurkan kepada Kerajaan walaupun pada saat ini krisis harga beras; ramai orang mengatakan harga beras mahal \$3.00 \$4.00 tetapi bagi saya, saya mengesyurkan kepada Kerajaan supaya harga padi mesti dinaikkan daripada harga yang ada pada masa ini. Sekurang-kurangnya, harga padi pada peringkat sekarang ini mesti ada \$30.00 satu pikul bukan \$23.00 bukan \$22.00, bukan \$19.00. Dan jangan pula

Kerajaan menaikkan harga beras. Harga padi mesti naik dan harga beras jangan naik. Saya berharap Kerajaan dapat memberikan subsidy kepada penanam-penanam padi oleh kerana dengan wujudnya harga padi \$30.00 satu pikul, maka dapatlah penanam-penanam padi, (petani-petani) orang-orang negeri Kedah khususnya dan juga orang-orang Kelantan yang bertanam padi dan juga orang-orang Selangor yang bertanam padi dapat hidup seimbang dengan orang-orang yang lain yang tidak menanam padi di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya datang dari negeri Kedah dan bertanggungjawab sedikit sebanyak kepada Kerajaan Negeri Kedah, saya berasa hairan wakil dari Sitiawan telah mengatakan pada petang ini di dalam Dewan ini bahawa di dalam negeri Kedah tidak ada beras. Saya berasa hairan di manakah Yang Berhormat itu mendapat maklumat ini? Mungkin dia dapat dari M.C.A. kerana banyak Ketua-ketua M.C.A. di Kedah adalah taukey-taukey kilang besar (millers). Barangkali mereka bergaduh dengan pihak L.P.N. dan mengatakan bahawa beras tidak ada di Alor Setar. Saya menjaminkan dan berterus terang di Dewan ini, belum pernah ada kekurangan beras di Alor Setar dan di negeri Kedah. Kalau adapun perkara-perkara itu dibuat oleh taukey-taukey besar untuk mencari keuntungan yang banyak dan untuk mengkhianat kepada negara kita ini.

L.P.N. Negeri Kedah

Tuan Yang di-Pertua, saya membela pegawai-pegawai L.P.N. dalam Negeri Kedah. Pegawai-pegawai ini adalah pegawai yang bertugas dan yang bertanggungjawab dan sepanjang yang saya ketahui pegawai-pegawai ini adalah taat kepada kerjakerjanya yang telah ditugaskan kepada mereka untuk menjaga dan memelihara serta menyediakan kehendak-kehendak negara yang bersangkutan-paut dengan beras di negara kita pada masa ini.

7.03 ptg.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua.

(*Dengan izin*) Sir, I have the greatest pleasure to congratulate the Government on this remarkable achievement in a short period of the Second Malaysia Plan. The

whole nation should be grateful to the Prime Minister and his Government for the excellent progress and development and with this success, we Malaysians could approach the future with much hope and confidence. I am sure, Sir, that the Mid-Term Review on the Second Malaysia Plan has taken the Opposition completely by surprise as they were rumour-mongering that the Government would not be able to make any headway or they will fail in this Report. Now I call upon the Opposition to join me in congratulating the Government on this great success.

Tuan Yang di-Pertua, on page 5 of the Foreword to the Review by the Honourable Prime Minister, he has stated:

“No one in Malaysian society need experience or feel any sense of loss or deprivation of his rights, privileges, income, job or opportunity”.

Tuan Yang di-Pertua, to me these are not mere words of reassurance or hope, for the future of this country depends much as to how we are going to implement this policy in spirit, in letter and in deed. The spirit of the nation's national unity, goodwill and harmony should be enshrined in every word of this book. The spirit of Rukunegara should be enshrined in every word of this book if we want this nation to forge ahead as a multi-racial, united and democratic society.

Tuan Yang di-Pertua, it is heartening to note and learn that some 350,000 jobs or about 58% of the total jobs supposed to have been created under this Plan have been created in such a short period, but we have still a long way to go to eradicate poverty and unemployment in our country. Quite a lot of jobs have been created as a result of joint ventures and foreign investments. But these employees are under-employed as a result of poor or low wages and are unable to have even one decent meal a day. Tuan Yang di-Pertua, we have already created a situation whereby foreign investment could easily set up factories in our country with very cheap labour. The salary paid to our highly skilled people like engineers is much lower compared to the salary paid to an expatriate engineer or officer. Why is this discrimination allowed to be practised against our own people in our own country? Is it because we are inferior or cheap compared to foreigners?

Tuan Yang di-Pertua, I suggest that the Government should carry out a nation-wide survey of the unemployed people in our country so that we would be able to get the actual number of the unemployed people. At the moment, we are depending on the Labour Exchanges. There are quite a lot of people who have not registered with the Employment Exchanges. A nation-wide survey would help the Government to ascertain the actual number of people who are seeking jobs.

Price Increases

Tuan Yang di-Pertua, we have heard for quite some time the situation of price increases. I am not going to waste your time on this topic, but I am going to comment that the enforcement is weak and unsatisfactory.

Kawalan pada masa sekarang atas perkara harga naik dari masa ke semasa tidak memuaskan dan langsung tidak mencukupi. Kelmarin seorang kawan saya bekerja sebagai Kerani di Dewan Rakyat beritahu kepada saya beliau pergi ke pasar besar hendak membeli ketam. Semasa dia pergi harga ketam 60 sen dan bila ramai orang datang hendak membeli

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: 60 sen satu ekor atau satu kati?

Tuan T. S. Gabriel: 60 sen sekati. Apabila ramai orang hendak beli ketam dengan serta merta penjual itu menaikkan harga ketam ke 80 sen. This is the situation going on today in this country. There is no enforcement at all. These are not controlled commodities. So they can exploit the situation as they wish. Sir, I call upon the Government to strictly enforce prices so that we can considerably reduce the difficulties our poor people are facing today.

Tuan Yang di-Pertua, lastly I call upon the Government that with this magnificent achievement, they should concentrate development more in the rural areas where the majority of our poor people live and suffer. Once again I would like to support this Review and congratulate the Government. Thank you very much.

7.10 *ptg.*

Tuan Haji Ahmad bin Sa'id (Seberang Utara): Saya bangun untuk memberi sokongan kepada usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri dan saya mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kepada Ahli-ahli Jemaah Menteri dan juga Pegawai-pegawai Kerajaan yang telahpun menjalankan tugas masing-masing bagi mendapat kejayaan yang telahpun dicapai dengan cemerlang Rancangan Malaysia Yang Kedua di dalam tempoh 3 tahun ini. Ini adalah satu kejayaan luar daripada dugaan pada anggapan saya sendiri, dan pada pendapat saya bagaimana Kerajaan telah merancang untuk membasmi kemiskinan dan mewujudkan Masyarakat Adil dalam tempoh 20 tahun pasti akan berjaya.

Ada di antara pihak-pihak Pembangkang yang sengaja menafikan hakikat yang sebenarnya di atas kemajuan ini. Jadi kalau dibaca Buku Merah ini dengan teliti didapati beberapa banyak kenyataan dengan perangkaan dan dari perangkaan itu dapat ditaksirkan di atas kemajuan itu.

Saya sendiri ingin mengemukakan pendapat saya di atas terciptanya kemajuan itu berdasarkan kepada penglihatan mata kasar kita semenjak terlaksananya Rancangan Malaysia Kedua. Sebagaimana kita sedia maklum negara kita ini ialah sebuah negara yang kaya-raya. Dengan kebijaksanaan pemerintahan kita tidaklah dapati seorang pun yang mengalami kelaparan.

Yang kedua, pada masa dulu kita dapati banyak pengemis minta sedekah di dalam bandar-bandar, tetapi pada masa sekarang kita dapati sangatlah kurang dan boleh dikatakan tidak ada langsung di dalam Kuala Lumpur ini.

Yang ketiga, berkenaan dengan penjenayah. Kalau dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain kuranglah orang-orang yang menjalankan atau membuat jenayah, melakukan jenayah menyebabkan negeri itu rosak dan tidak ada keamanan yang dialami oleh penduduk-penduduknya.

Yang keempat, barangkali tidak ada rekod Kementerian Kesihatan menunjukkan orang-orang kita di Malaysia ini menghidapi penyakit malnutrition ataupun kekurangan zat makanan. Sebaliknya kita dapati banyak di antara orang-orang kita pergi berjumpa doktor minta ubat supaya tidak gemuk. Ini sebagai kenyataan.

Yang kelima, kita dapati taraf hidup orang-orang kita di dalam bandar baik di

luar bandar pun ada perubahan, jika lihat dari segi pakaian mereka itu, kita lihat tempat kediaman mereka itu, kita lihat di segi alat-alat rumahnya, sungguhpun rumah itu dalam kampung, kita dapati sekurang-kurangnya ada sebuah basikal ataupun kadang-kadang ada dua buah motosikal, satu untuk bapanya dan satu untuk anaknya, dan kita dapati sekurang-kurangnya tiap-tiap rumah itu ada sebuah radio, T.V. dan lain-lain. Kita dapati juga banyak di antara orang kita, khususnya orang Melayu yang pandai melaburkan modal dalam perusahaan-perusahaan dan lain-lain, dan sebagaimana yang disebutkan oleh sahabat saya wakil daripada Larut Utara bertambahnya bakal-bakal haji menunaikan fardu haji setahun demi setahun. Tahun 1963 kita dapati jemaah haji 4,000 sahaja, tetapi tahun 1973 telah meningkat kepada 12,000. Ini adalah menunjukkan bahawa kemakmuran itu telahpun dapat diperkembangkan kepada orang-orang yang di luar bandar, dan pertumbuhan bank dalam Malaysia ini boleh dikatakan banyak, dan banyak pemodal yang sedia hendak datang melaburkan modal dengan cara menubuhkan bank.

Orang-orang Berniaga

Kita tahu orang-orang yang berniaga tentulah mereka sendiri tahu kerana dia buat perangkaan yang perniagaannya berlipat ganda daripada tahun-tahun yang lalu. Saya sendiri di atas pengajian ini adalah nyata dan benar rancangan yang telah dilaksanakan ini telahpun mencapai tujuan dan maksud dengan cemerlang, kecuali orang-orang yang tidak bermaya, orang-orang yang tidak mahu berusaha, orang yang tidak mahu bertenaga, orang yang tidak mahu berniaga, orang yang tidak mahu mengambil peluang yang diberi oleh Kerajaan, orang inilah sahaja yang tidak dapat mengecap nikmat daripada Rancangan Malaysia Kedua ini. Saya berharap supaya orang-orang yang semacam ini dapat kesedaran mengambil peluang yang cemerlang ini berusaha dengan sedaya-upaya memperbaiki keadaannya supaya setanding dengan orang-orang yang maju ke hadapan dan mempelajari daripada orang-orang yang telahpun mencapai kemajuan dalam negara kita ini.

Negara Kebajikan

Saya sendiri yakin bahawa matlamat yang kita tujukan ini dapat dicapai dan sebelum

kita mencapai matlamat dalam masa 17 tahun lagi, saya berharap Kerajaan akan menambahkan dari masa ke semasa satu rancangan yang sangat penting iaitu menjadikan negara ini bukannya sahaja sebagai macam mana yang ditujukan untuk membasmi kemiskinan ataupun untuk menjadikan Masyarakat Adil, bahkan menjadi sebuah negara yang dinamakan negara kebajikan. Kita telahpun melaksanakan rancangan permulaan dengan mengadakan bantuan guaman percuma pada peringkat permulaan dan mengadakan SOCSO sebagai peringkat mula dan memberikan pelajaran percuma setakat sekolah menengah rendah. Kerajaan patut juga mengadakan peruntukan bagi melaksanakan sepenuhnya dalam tempoh 17 tahun lagi ataupun awal daripada itu supaya menjadikan negara kita ini sebuah negara kebajikan dan mengadakan satu rancangan memberi sara hidup kepada orang tua yang umur 60 tahun ke atas, bantuan guaman dengan sepenuhnya, bantuan pelajaran percuma ke sekolah rendah sehingga terus ke universiti dan mengadakan National Health Insurance Scheme atau Rancangan Kesihatan Insuran bagi warganegara Malaysia dan selain daripada SOCSO mengadakan National Labour Insurance Scheme dalam masa jangka panjang. Saya percaya jikalau kita mulakan sedikit demi sedikit tiap-tiap warganegara kita akan menikmati kekayaan negara kita dan kita akan hidup setanding dengan warganegara-warganegara yang di lain negara.

Pertubuhan Peladang

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai seorang daripada pemimpin peladang mengambil peluang ini mengucap setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memberi peruntukan yang lebih kepada perkembangan Pertubuhan Peladang dengan dasar yang baru iaitu percantuman di antara persatuan peladang dan syarikat kerjasama yang di luarbandar. Dengan adanya peruntukan ini saya yakin dan percaya peladang dapat menjalankan usaha dan ikhtiar untuk membaiki taraf hidup mereka supaya mereka ini akan jadi setanding dengan penduduk-penduduk yang di dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya bantuan ini dapatlah dilaksanakan rancangan dengan sepenuhnya untuk mengadakan Pusat-pusat Kemajuan Pertanian

yang dicadangkan sebanyak 150 buah di seluruh Semenanjung Malaysia ini dan dapat dijalankan rancangan-rancangan pemasaran, memproses, kredit dan lain-lain demi kepentingan peladang-peladang sendiri.

Beras

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan setinggi-tinggi harapan di atas masalah yang disebutkan oleh rakan saya tadi berkenaan harga padi. Padi yang sudah dijadikan beras ini ialah satu bahan yang besar sekali, bahan makanan utama bagi negara kita dan sudah menjadi satu adat kepada orang yang memakan beras ini beralaskan kepada harga beras sebagai contoh dan tauladan kepada yang lain. Maksudnya harga beras ini jangan naik, jikalau harga beras ini naik, maka melompatlah tinggi cakapan-cakapan, heboh-hebohan katanya harga beras ini naik, tetapi jikalau harga lain itu naik mereka tidak heboh-heboh sangat.

Saya sebagai seorang pemimpin peladang ingin membela mereka. Keadaannya sangat tidak patut. Berilah peluang kepada peladang menikmati di atas titik peluh mereka itu supaya dapat mereka menjualkan padinya atau beras dengan harga yang berpatutan bukan ditekan atau dikawal yang lain di-biarkan.

Guaranteed Minimum Price

Pada masa sekarang ini kita ada satu undang-undang *Guaranteed Minimum Price* untuk padi harga terjamin bagi padi yang serendah-rendahnya \$16 sepikul, tetapi kita tidak ada undang-undang untuk hendak mendakwa sesiapa juga yang menjual beras setakat mana yang dia suka. Kalau seseorang itu hendak menjual berasnya \$6 segantang tidak ada undang-undang yang boleh menyekatnya, tidak ada undang-undang yang boleh mandakwa dia ke Mahkamah bahawa dia tidak boleh menjual beras \$6 segantang.

Begitu juga padi jikalau seseorang peladang hendak menjual padinya dengan harga \$30 sepikul, tidak ada undang-undang yang boleh mendakwa peladang itu masuk ke Mahkamah yang dia bersalah, sebab menjualkan padinya \$30 sepikul. Jadi kenapa menakut-nakutkan atas kenaikan ini tanpa membuat undang-undang. Saya berharap kepada pihak Kerajaan khususnya L.P.N.

akan membuat satu undang-undang kalau hendak control supaya diadakan satu undang-undang yang menghadkan jualan harga beras maksima, tidak boleh jual lebih daripada \$6 segantang misalnya ataupun harga padi \$30 sepikul setinggi-tingginya harga walau jenis padi daripada langit sekalipun, tidak boleh tinggi daripada harga yang ditetapkan. Dan jikalau kita tengok harga pasaran di luar negeri mahal maka patutlah Kerajaan mengadakan subsidi, bantuan kepada tiap-tiap gantang bagaimana yang diadakan subsidi atau bantuan tiap-tiap satu gantang import Kerajaan beri bantuan 50 sen kepada orang luar, kenapa tidak kita utamakan warganegara kita dengan memberi subsidi atau bantuan kepada peladang-peladang kita. Saya menyeru kepada Kerajaan supaya mengadakan satu undang-undang khas, bukan minima bahkan undang-undang had maksima. Dengan ini dapatlah pihak L.P.N., pihak yang menjalankan kuatkuasa ini menangkap dan mendakwa orang yang menjual padi atau beras lebih daripada harga yang ditetapkan. Ini satu cara yang saya ingat dapat kita mengawal dengan rapi.

Misalnya, beras yang dijual di Singapura sekarang ini sekati \$1.30 segantang \$7.80. Di sini sekati 45 sen, segantang \$2.60—cuba lihat perbezaannya—begitu luas perbezaannya. Jikalau kita hendak control adakan satu peruntukan untuk memberi bantuan supaya dapat peladang kita 50% daripada penduduk-penduduk dalam negeri kita ini yang bergantung hidup nasib mereka di atas berladang, maka patutlah kita berikan ketutamaan ataupun keistimewaan, sebab mereka inipun patut mengecap nikmat. Dengan cara ini, dapatlah rancangan yang kita katakan Masyarakat Adil itu dicapai dalam masa yang ditentukan.

Penghijrahan Penduduk Luarbandar

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang kita dapati sebagaimana tercatat dalam laporan bahawa 200,000 orang daripada penduduk-penduduk luar bandar telahpun berhijrah ke bandar untuk mendapatkan kerja-kerja meninggalkan tempat-tempat masing-masing di kampung-kampung, sebab jaminan mereka di dalam bandar ini adalah lebih baik daripada di luar bandar. Saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan supaya memberi pelajaran, pengetahuan, pertanian, penternakan dan juga lain-lain

berkaitan dengan peladang kepada anak-anak muda kita di kampung dengan sepenuhnya. Mereka datang ke sini kerana mereka tidak nampak bahawa dalam luar bandar yang ada pengetahuan pertanian akan berpendapatan lebih dengan menggunakan pengetahuan itu. Mereka dapat hidup lebih lumayan daripada orang yang duduk dalam bandar. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan mengadakan lebih banyak lagi institute pertanian atau Sekolah-sekolah Pertanian. Cuma pada masa sekarang ini kita ada 4 buah sahaja Sekolah Pertanian yang tidak boleh memberi sepenuh layanan kepada pemuda-pemuda kita yang tinggal di luar bandar. Saya telah membangkitkan perkara ini beberapa kali.

Di negara Taiwan luasnya sebesar negeri Pahang. Penduduknya sebanyak 12 juta. Mereka mempunyai 60 buah Kolej Pertanian dan sebuah Universiti Pertanian yang besar.

Sekolah Pertanian

Pada tahun 1965 saya telah melawat ke sana, dan dari pada masa itu saya ingat tentulah sudah bertambah. Negara kita pun mempunyai sebanyak 10 juta penduduk Malaysian dan patut juga kita adakan tambahan kepada Sekolah-sekolah Pertanian seberapa banyak lagi dan dapatlah anak-anak muda kita yang di luar bandar itu belajar cara jangka panjang atau cara jangka pendek dan manakala mereka ini dapat belajar maka dapatlah mereka itu berusaha dengan sepenuhnya untuk berdiri di atas kaki mereka sendiri dengan cara pengetahuan yang mereka dapat.

Nasib Orang Melayu di Pulau Pinang

Saya berharap supaya mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan khasnya Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan nasib 300,000 orang Melayu yang ada di Negeri Pulau Pinang. Sehingga hari ini rancangan kemajuan sebagaimana rancangan UDA untuk mengadakan kompleks perniagaan belum lagi ada di sana, cuma MARA membuat 2 tempat di Bukit Mertajam dan di Butterworth. Di Pulau Pinang, di bandar itu sendiri tidak ada

rancangan yang saya tahu untuk memberi peluang kepada orang-orang Melayu di sana berniaga atau berusaha. Sebab, ianya lain sedikit dengan Negeri-negeri lain. Negeri lain dia ada tanah, dia ada balak, dia ada lombong, bolehlah Negeri itu memberi peluang bagi diperuntukkan kepada orang-orang Melayu. Tetapi di sana ada kesukaran sedikit dan dengan sebab itu saya berharap Kerajaan Pusat akan memberi lebih perhatian kepada Negeri Pulau Pinang khasnya kepada orang-orang Melayu di Pulau Pinang yang seramai 300,000 itu iaitu sama banyaknya dengan penduduk negeri Pahang.

Badan Penasihat

Saya syorkan supaya pihak Kerajaan Pusat dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri melantik sebuah Badan Penasihat ataupun mengadakan sebuah Seketariat sebagaimana yang kita ada pada masa dahulu Seketariat untuk perusahaan dan dilantikkan beberapa orang wakil daripada Dewan Perniagaan Melayu misalnya, wakil daripada Majlis Ugama Islam, wakil daripada UDA, wakil daripada MARA dan lain-lain supaya membuat satu kajian dan membuat satu rancangan jangka panjang dan dapatlah badan itu menasihati orang-orang Melayu di sini bagaimana cara mereka dapat memasuki dalam lapangan-lapangan kemajuan yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan pesatnya pada masa sekarang ini. Sebab, kami di sini boleh dikatakan keseluruhannya miskin belaka, tidak ada orang hartawan, tidak ada orang millionaire. Kalau tidak dapat perhatian yang lebih, maka nasib orang-orang Pulau Pinang akan menjadi buruk kalau dibandingkan dengan negeri yang lain dalam maksud hendak mencapai 30% ekonomi dalam tempoh 20 tahun ini; saya percaya tidak akan dapat dicapai kiranya tidak diberi perhatian dan tumpuan yang lebih kepada orang-orang Melayu di sana

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.